

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI KHAMIS : 28 MAC 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan adakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah pembaziran makanan di setiap peringkat, mengikut contoh Perancis, di mana makanan lebihan daripada pusat-pusat komersial seperti Tesco disalurkan secara sistematik kepada golongan yang layak.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Dalam proses awal pelaksanaan Program Food Bank Malaysia ini, Kementerian telah melaksanakan beberapa sesi *brainstorming* bersama Kementerian/ Agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri. Kementerian juga melaksanakan *engagement* dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu, Kechara Soup Kitchen, Food Aid Foundation dan Mutiara Food Bank yang terlibat secara aktif dalam menyalurkan bantuan makanan kepada golongan yang memerlukan. Hasil daripada perbincangan tersebut, Kementerian telah menggunakan amalan sepertimana yang dilaksanakan di negara Perancis dan Amerika Syarikat sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan Program Food Bank Malaysia. Oleh kerana itu, Kementerian dalam rangka menggubal satu undang-undang yang dapat mentadbir pelaksanaan inisiatif *food bank* di Malaysia untuk jangka masa panjang.

NO. SOALAN : 1

Terdapat empat (4) *fundamental* utama dalam pelaksanaan Program Food Bank Malaysia iaitu Penyelaras, Penyumbang, Penggerak dan Penerima. KPDNHEP akan memainkan peranan sebagai Penyelaras utama bagi memastikan hubungan secara langsung di antara Penyumbang dan Penggerak. Buat masa ini, industri peruncitan memainkan peranan sebagai Penyumbang utama dalam pelaksanaan Program Food Bank Malaysia dengan menyumbangkan tiga (3) produk makanan yang telah dikenali iaitu roti, buah-buahan dan sayur. Sebagai perancangan jangka panjang, Kementerian akan memperluaskan skop Penyumbang kepada industri pengeluar makanan, restoran dan hotel. Rakan strategik yang telah dilantik oleh Kementerian pula akan memainkan peranan sebagai penggerak utama, ketiga-tiga rakan strategik yang telah dilantik akan membantu mengedarkan makanan di samping memberikan tenaga sukarelawan. Pelancaran dalam pelaksanaan program ini akan dilihat kepada manfaat yang akan dinikmati oleh kumpulan sasaran iaitu Penerima yang telah dikenal pasti berdasarkan data e-Kasih yang dikeluarkan oleh pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMPAU]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 2

Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah pendaftaran baharu dan pengemaskinian Bantuan Sara Hidup (BSH) yang telah diterima dan bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan individu yang benar-benar layak dapat menerima BSH ini walaupun tidak mempunyai dokumen lengkap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion. Sehingga 27 Mac 2019, lebih daripada 3.2 juta permohonan BSH 2019 telah selesai dibuat kemasukan data, merangkumi 530,000 permohonan baharu dan 2.67 juta permohonan kemaskini. Data ini akan terus meningkat berdasarkan proses kemasukan data yang masih dilaksanakan oleh LHDNM dan dijangka mencecah 4.0 juta permohonan.
3. Bagi bayaran BSH Fasa 1 2019, kerajaan telah membelanjakan RM1.2 bilion bagi 4.1 juta isi rumah pada bulan Januari 2019, dan RM300 juta bagi 3.1 juta penerima bujang pada bulan Mac 2019. Manakala, pada tahun 2018, kerajaan Pakatan Harapan telah membelanjakan RM1.6 bilion bagi 4.1 juta isi rumah pada bulan Jun 2018, dan sekali lagi pada jumlah yang sama, juga bagi 4.1 juta isi rumah pada bulan Ogos 2018.
4. Secara amnya, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan layak untuk menerima BSH. Pendekatan BSH adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan untuk menyasarkan bantuan hanya kepada golongan yang layak menerimanya, iaitu golongan yang amat perlukan bantuan bagi menghadapi kos sara hidup.

NO SOALAN : 2

5. Dalam mengurangkan ketirisan dalam pelaksanaan BSH, maklumat permohonan yang diterima daripada pemohon akan dipadankan dengan data agensi Kerajaan bagi menentukan kelayakan setiap permohonan. Bagi tahun 2019, kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan diteruskan dengan tambahan tiga (3) lagi agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjadikan jumlah agensi Kerajaan yang terlibat adalah enam belas (16) bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima BSH dan menangani masalah *inclusion and exclusion error*.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada sasaran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk mencapai target keluasan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia sebanyak 5 juta hektar menjelang tahun 2020 boleh tercapai.

SOALAN NO. 3

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2018, keluasan kawasan berhutan di Semenanjung yang direkodkan adalah berjumlah 5,758,262 hektar iaitu 44% daripada keluasan tanah Semenanjung. Daripada jumlah tersebut, seluas 4,803,350 hektar (37%) telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga telah mengenal pasti kawasan-kawasan hutan dalam tanah kerajaan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai Hutan Simpanan Kekal iaitu seluas 115,399 hektar. Dalam hubungan ini, kementerian berharap dengan kerjasama dan komitmen tinggi dari Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyegerakan pewartaan Hutan Simpanan Kekal dan mengenalpasti kawasan baru yang berpotensi untuk dijadikan Hutan Simpanan Kekal, sasaran yang ditetapkan dijangka boleh dicapai pada akhir tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : Dato' Sri Bung Moktar bin Radin
[Kinabatangan]**

SOALAN NO : 4

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- a) Apakah hasil yang telah diperoleh oleh Kerajaan melalui Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau Council of Eminent Persons (CEP); dan
- b) Adakah terdapat sebarang perkara serta keputusan penting yang telah dibuat.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAB MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 dan mereka telah “functus officio” (tamat melaksanakan tugas) pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian mengikut keadaan dari semasa ke semasa.
2. Antara lain, CEP telah menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mendalami dan mengkaji isu-isu berkaitan termasuk projek-projek mega seperti *The East Coast Rail Link* (ECRL) dan projek *gas pipeline*. Selain itu, Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) yang diilhamkan oleh CEP adalah merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi utama Negara.
3. IRC juga telah selesai melaksanakan tugas mereka dan telah menyediakan laporan yang lengkap dan komprehensif yang antara lain mengandungi cadangan-cadangan berkaitan dengan skop-skop governans, integriti dan pencegahan rasuah di bawah 21 Janji-janji Kerajaan.

NO. SOALAN: 4

4. Keputusan dasar berkenaan cadangan-cadangan tersebut dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Seterusnya, keputusan dasar ini akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan Kerajaan. Cadangan-cadangan IRC berkenaan reformasi institusi Kerajaan ini sedang giat dilaksanakan dan pelaksanaannya dipantau oleh GIACC. Sebahagian daripada cadangan ini dimasukkan dalam NACP. Perkara ini akan terus dilaksanakan dan dibincangkan di dalam Mesyuarat JKKMAR bagi memastikan pelaksanaannya dapat dijalankan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menjelaskan adakah ranking dunia bagi IPTA boleh dijadikan sebagai kayu pengukur atau petunjuk aras prestasi IPTA dalam memastikan pendidikan tinggi negara berada di tahap tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpendirian bahawa *ranking* institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah penting tetapi ianya bukan menjadi matlamat utama sesebuah IPT. Sebaliknya aspek yang sedang mendapat perhatian serius KPM kini adalah untuk meningkatkan kualiti berteraskan nilai, kolaborasi dan pengantarabangsaan seperti yang telah saya tekankan semasa Amanat Tahun Baharu 2019 Menteri Pendidikan.

Justeru, KPM sedang melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam (UA) bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan serta tiada duplikasi program akademik sedia ada di kalangan IPT.

Walau bagaimanapun, KPM terus berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan UA di peringkat antarabangsa dengan memperbanyakkan program *partnership* dan kolaborasi bersama institusi terkemuka dunia melalui skim padanan geran penyelidikan. Antara kolaborasi tersebut adalah kerjasama dengan *Research Councils United Kingdom* (RCUK) sejak tahun 2016, *Japan Science and Technology Agency* (JST) sejak tahun 2015 dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) sejak tahun 2012. Selain itu, KPM juga dalam proses untuk bekerjasama dengan agensi penyelidikan antarabangsa yang berpotensi seperti *East Asia Europe, Department of Guangxi Zhuang Autonomous Region Republic of China* dan *E-Asia Joint Research Programme*.

Selain itu, KPM juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk mengukur peningkatan kualiti IPT. Sistem Penarafan yang dimaksudkan adalah *Malaysia Rating for University and College University Excellent* (SETARA), *Malaysian Quality Evaluation System* (MyQUEST) dan *Malaysia Research Assessment* (MyRA). Antara kriteria dalam penilaian penarafan ini adalah kualiti program yang ditawarkan, tadbir urus yang baik, sistem pengurusan berkualiti, pengurusan pelajar antarabangsa, kebajikan pelajar, kualiti dan kuantiti penyelidik serta penyelidikan, inovasi dan jaringan & jangkauan. Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti.

Sekian, terima kasih

RJM 91

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 28 MAC 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status terkini Kertas Putih FELDA dan apakah perancangan 3 tahun pertama pemerintahan Kerajaan baharu untuk menyelesaikan isu hutang peneroka FELDA, kejatuhan harga sawit, dan masalah perumahan generasi kedua FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Putih “Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” akan dibentangkan pada minggu terakhir sidang Dewan Rakyat kali ini. Kertas Putih ini akan memperincikan beberapa perkara termasuklah perancangan jangka pendek dan sederhana serta jangka panjang khususnya isu-isu berkaitan hutang peneroka.
2. Berkaitan Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF), projek PGBF ini telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dengan sasaran 20,000 unit dalam tempoh 5 tahun. Dinyatakan dalam bajet tersebut, FELDA akan menerima sebanyak RM1.5billion. Namun sehingga 2017 FELDA hanya menerima RM200juta. Oleh yang demikian, hanya 38 tapak dengan 8,314 unit rumah sahaja yang dapat diteruskan
3. Status pembinaan rumah seperti berikut:-
 - (i) 8 tapak yang mempunyai 1,498 unit rumah telah disiapkan dan diduduki oleh 792 peserta. Manakala baki 706 unit lagi, akan diserahkan selepas proses pemilihan diselesaikan.
 - (ii) 19 tapak yang mempunyai 5,082 unit rumah masih berjalan dengan kemajuan kerja yang perlahan.
 - (iii) 11 tapak yang mempunyai 1,734 unit rumah terbengkalai dan diberhentikan.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 30 tapak yang bermasalah dengan jumlah rumah sebanyak 6,816 unit ini adalah berpunca daripada kesan masalah kewangan pada tahun 2016. Sekiranya baki 6,816 unit ini hendak disiapkan, FELDA memerlukan suntikan sebanyak RM711juta.

SOALAN: 6

5. Seterusnya berkaitan isu kejatuhan harga sawit. Untuk makluman Yang Berhormat, sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri Kementerian Industri Utama di dalam Dewan ini, pihak Kementerian berkenaan telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan permintaan sawit Malaysia seterusnya meningkatkan harga komoditi sawit. Dalam hubungan ini, FELDA berusaha untuk memastikan pengeluaran hasil sawit dari ladang-ladang FELDA berkualiti tinggi serta memenuhi 100 % syarat Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
28 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan masa depan
bekalan elektrik di Labuan memandangkan stesen janakuasa Patau-
Patau yang ada sudah lama dan permintaan dijangka akan bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah melaksanakan rehabilitasi Loji Jana Kuasa Patau-Patau pada Mei 2017. Berdasarkan kepada unjuran permintaan elektrik yang telah dibuat oleh Kerajaan, permintaan tenaga elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan sehingga tahun 2027 dijangka dapat dipenuhi oleh Loji Jana Kuasa Patau-Patau sedia ada.

Sekian, terima kasih.

SOALAN TAMBAHAN : NO 7

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN TAMBAHAN

SESI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

TARIKH : 28 MAC 2019
NO. SOALAN : 7
DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]

SOALAN TAMBAHAN

YB Kemaman: Sejauh manakah penggunaan dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) mampu menyelesaikan masalah bekalan elektrik di kawasan pedalaman Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

JAWAPAN

1. Tujuan penubuhan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) pada tahun 1997 dan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik Sabah (AAIBE Sabah) pada tahun 2000 adalah untuk menerima sumbangan daripada penjana tenaga bebas (IPP) bagi membiayai perbelanjaan program/projek yang menyumbang kepada pembangunan industri bekalan elektrik Negara. Tiada dana AAIBE diwujudkan untuk menerima sumbangan daripada IPP Sarawak.
2. Penggunaan dana AAIBE dan AAIBE Sabah adalah tertakluk kepada skop seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah iaitu:
 - i. program-program/projek-projek bekalan elektrik luar bandar yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah;
 - ii. penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi industri bekalan elektrik termasuk R&D bagi pembangunan sumber-sumber tenaga baru dan tenaga boleh baharu;
 - iii. latihan dan pendidikan bagi pembangunan sumber manusia untuk sektor elektrik;
 - iv. program penggalakan penggunaan kecekapan elektrik;
 - v. pembangunan dan promosi industri bekalan elektrik; dan
 - vi. mengurus impak tarif elektrik
3. Sebanyak 25 projek pembekalan elektrik luar bandar melalui talian grid dan solar hibrid telah selesai dilaksanakan di Semenanjung dan 2 projek di Sabah menggunakan dana AAIBE dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM498,846,862.22 (17% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan program/projek AAIBE). Projek dilaksanakan antara kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada masa itu) dan Tenaga Nasional Berhad. Pelaksanaan projek meliputi sambungan grid Nasional di Semenanjung serta solar hibrid di Pulau Ketam, Pulau Perhentian, Pulau Tinggi, Pulau Tuba, Pulau Dayang Bunting dan Pulau-pulau Mersing.
4. Dana AAIBE Sabah pula telah digunakan bagi membiayai 2 projek bekalan elektrik luar bandar menggunakan solar hibrid dengan kos

SOALAN TAMBAHAN : NO 7

keseluruhan projek sebanyak RM5,630,000.00 (14% daripada jumlah pembiayaan keseluruhan program/projek AAIBE Sabah).

5. Pada masa ini, kadar liputan bekalan elektrik di Semenanjung adalah sebanyak 99% manakala kadar liputan bekalan elektrik di Sabah adalah sebanyak 96%. Bagi mengelak daripada pertindihan fungsi dan dana berkaitan pembekalan elektrik luar bandar di Semenanjung antara Kementerian ini dengan KPLB, skop bagi program bekalan elektrik luar bandar telah dikeluarkan dari Surat Ikatan Amanah AAIBE berkuatkuasa Oktober 2018. Penggunaan dana AAIBE kini memberi tumpuan kepada pelaksanaan program/projek yang memberi impak kepada pembangunan industri bekalan elektrik dan komuniti di bawah skop lain yang masih dikekalkan dalam Surat Ikatan Amanah AAIBE.

Sekian, terima kasih.

SOALAN TAMBAHAN : NO 7

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN TAMBAHAN **SESI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT** **MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,** **PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, **ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

TARIKH : 28 MAC 2019

NO. SOALAN : 7

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN TAMBAHAN

YB Labuan : Dalam Labuan Development Blueprint 2030, di antara yang ingin dicapai adalah Labuan sebagai bandar pulau yang hijau. Jadi, adakah perancangan untuk mengadakan power generation, dengan izin, dengan renewable energy di Labuan dan juga saya difahamkan Jana kuasa Patau-Patau ini sudah lama dan ia tidak berapa economical lagi dan memang perlu

JAWAPAN

1. Labuan Development Blueprint 2030 (LDB 2030) merupakan pelan pembangunan kawasan yang telah dirangka oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan dilancarkan pada 18 Januari 2018. Kementerian ini dimaklumkan bahawa KWP sedang mengkaji semula pelaksanaan LDB 2030 ini.
2. Berdasarkan unjuran permintaan elektrik yang telah dibuat oleh kerajaan, permintaan tenaga elektrik di Wilayah Persekutuan Labuan sehingga tahun 2027 dijangka dapat dipenuhi oleh Loji Janakuasa Patau-Patau. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama Kerajaan juga sedang meningkatkan keupayaan penjanaan tenaga daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) di seluruh negara termasuklah di Labuan. Untuk makluman, terdapat inisiatif galakan penjanaan TBB sedia ada melalui program Net Energy Metering (NEM) yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna industri, komersial dan kediaman di Labuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN : 8

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan pembinaan Jalan Raya di Semilang/Beradek/Tiang Api yang berjumlah RM45 juta dan pembinaan saluran paip dari Batu Kitang, Kuching ke Kawasan Tasik Biru, Lundu dan Sematan yang dilulus pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Jalan Kebun ke Kampung Beradek Semilang, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Kedua, tahun 2017, (RMK-11, RP2) dengan kos keseluruhan berjumlah RM45 juta. Status terkini bagi projek ini adalah di dalam peringkat reka bentuk dan dijangka akan ditender pada bulan September 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembinaan saluran paip dari Batu Kitang, Kuching ke Kawasan Tasik Biru, Lundu dan Sematan akan dilaksanakan di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar, Bau, Lundu, Sematan Fasa I, Bahagian Kucing, Sarawak. Projek ini telah diluluskan di bawah RP2 tahun 2017 dengan kos siling projek sebanyak RM40 juta. Status projek ini adalah diperingkat perlantikan perunding semula oleh pihak Kementerian kerana tempoh perlantikan perunding di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) telah tamat tempoh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 9

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah skim baru untuk perkhidmatan awam akan diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapannya daripada segi khidmat dan kewangan negara.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian Pembaharuan Perkhidmatan Awam (*Public Service Reform – PSR*) yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sememangnya ke arah peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mengoptimumkan sumber manusia. Pelaksanaan kajian ini akan dibuat secara berperingkat mengikut jangka masa yang ditetapkan bermula daripada Januari 2019 sehingga Disember 2020 **meliputi jangka masa pendek (kurang daripada 6 bulan – *Quick Win*) ; jangka sederhana (tidak lebih 18 bulan) dan jangka panjang (tidak lebih daripada 24 bulan).**

Kajian PSR ini telah dibentang dan dipersetujui pelaksanaannya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) Bilangan 2 Tahun 2018 pada 23 Oktober 2018 lalu yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh YB Menteri

SOALAN NO. 9

Kewangan, YB Menteri Dalam Negeri dan YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara.

Kerangka kajian PSR yang digariskan oleh Kerajaan ini adalah berfokuskan kepada Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia di alaf baharu. Setakat ini, **sebanyak 31 inisiatif pembaharuan telah dikenal pasti di peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** untuk dilaksanakan. Bagaimanapun ianya tidaklah terlalu *exhaustive*, malahan ianya boleh ditambah nilai jika terdapat keperluan di peringkat Jawatankuasa Teknikal (JKT) kelak.

Ia dilaksanakan dengan tujuan untuk menambah baik tadbir urus perkhidmatan awam secara menyeluruh yang merangkumi aspek struktur organisasi, skim perkhidmatan, laluan kerjaya, pembangunan bakat, pencen, hubungan majikan-pekerja, penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan termasuklah aspek saraan anggota Perkhidmatan Awam yang seterusnya menyumbang kepada penjimatan kewangan Kerajaan.

Antara inisiatif yang berkaitan adalah **penggubalan Akta Perkhidmatan Awam yang memperuntukkan anggota perkhidmatan awam yang berintegriti, amanah dan berkecuali (apolotikal) serta berkhidmat demi kepentingan rakyat dan Negara.**

Kajian ini juga akan turut mengambil kira kedudukan skim perkhidmatan yang sedia ada daripada aspek fungsi skim perkhidmatan yang banyak, struktur yang *rigid* (terikat), wujudnya pertindanan, pewujudan *multi-tasking* dan *rate for the job*. Kajian secara menyeluruh ini dilaksanakan dengan meliputi aspek-aspek struktur organisasi, fleksibiliti skim perkhidmatan, syarat lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam, gaji permulaan yang bersesuaian serta kaedah kenaikan pangkat.

Bagi meningkatkan keberkesanan kajian, pihak JPA akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak yang berkepentingan seperti para ketua perkhidmatan, pengurusan sumber manusia Kementerian, kesatuan

SOALAN NO. 9

sekerja, CUEPACS, persatuan pesara dan lain-lain sehingga ke peringkat akar umbi.

Apa yang lebih utama adalah strategi Kerajaan dalam menjadikan inisiatif-inisiatif ini dipercayai, dihayati dan dilaksanakan oleh segenap lapisan penjawat awam di Malaysia. Cadangan penambahbaikan serta inisiatif-inisiatif baru akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan sekiranya bersesuaian tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan. **Seterusnya ia akan menjadi tunjang kepada pemangkin dan kejayaan agenda reformasi negara terutamanya dalam perkhidmatan awam.**

Untuk makluman YB,

Dalam masa yang sama, Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan penjawat awam. Walau bagaimanapun, pemberian kenaikan gaji kepada penjawat awam harus dilihat secara menyeluruh melibatkan keseluruhan Perkhidmatan Awam di setiap peringkat kerana ia sangat berkait rapat dengan prinsip dengan izin "*rate for the job*" atau kadar upah untuk kerja. Pemberian kenaikan gaji tanpa mengambilkira pertambahan fungsi tugas, tanggungjawab tambahan dan peningkatan produktiviti akan menjejaskan prinsip saraan serta keharmonian di kalangan Perkhidmatan Awam.

Bagi menjaga kebajikan pesara, antara inisiatif sedia ada yang dilaksanakan adalah pelarasan pencen sebanyak dua peratus (2%) setahun sebagaimana dalam Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 dan kenaikan kadar pencen terendah bagi pegawai yang mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan daripada RM950.00 kepada RM1000.00 sebulan. Selain daripada gaji, Kerajaan juga ada menyediakan pakej saraan yang kompetitif seperti kemudahan perubatan komprehensif, perumahan, waktu bekerja fleksibel dan kemudahan cuti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

TARIKH SOALAN : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan strategi jangka pendek dan sederhana dalam merealisasikan Malaysia sebagai - Negara Keusahawanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) berusaha untuk menerajui inisiatif pembangunan keusahawanan yang terancang dan bersepadu di negara ini. Justeru, MED telah merancang strategi untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosio-ekonomi negara.

2. Antara langkah yang telah diambil oleh MED setakat ini sebagai strategi jangka pendek adalah:-

(i) menyelaraskan fungsi dan program keusahawanan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi. MED juga mengumpul maklumat inisiatif dan program keusahawanan yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan termasuk dari Sabah dan Sarawak bagi memastikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan dapat dicapai dan menjadi negara pengeluar bukan setakat sebagai negara pengguna;

(ii) MED juga telah melancarkan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (*National Entrepreneurship Framework* - NEF) pada 22 November 2018. NEF adalah asas kepada matlamat dan inisiatif berkaitan pembangunan usahawan yang akan dijadikan input dalam penggubalan Dasar Keusahawanan Nasional yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri;

(iii) Dasar Keusahawanan Nasional akan menggariskan objektif, strategi serta pelan tindakan untuk membangunkan sebuah ekosistem keusahawanan merentasi semua bidang industri dan merangkumi setiap peringkat usahawan dalam negara.

3. Di samping itu, MED telah merancang strategi jangka sederhana berkaitan keusahawanan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, seperti berikut:-

(i) menghasilkan pelaburan baru serta meningkatkan sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 41% pada tahun 2020 melalui penglibatan dalam industri pertumbuhan tinggi (*high growth industry*), termasuk industri makanan dan minuman halal, kosmetik, farmaseutikal serta aeroangkasa, automotif, peranti perubatan, ekonomi digital, bioteknologi dan asas tani;

(ii) meningkatkan bilangan usahawan di kalangan B40 bagi menaik taraf sosio-ekonomi kumpulan ini melalui pengukuhan peranan dan keupayaan koperasi di samping sokongan dari aspek latihan dan pembiayaan;

(iii) lebih 80% koperasi menjana pendapatan kurang dari 1 juta setahun, oleh itu, Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) diberi peranan khas dalam membangun gerakan koperasi di negara ini supaya koperasi akhirnya dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara;

- (iv) Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah merangka satu program khas yang dinamakan *MIRACLE (Million Ringgit Coop League)* untuk membimbing koperasi dari kluster mikro dan kecil serta sederhana untuk mengembangkan perniagaan mereka dari segi *revenue* dan juga memberi manfaat kepada anggota;
- (v) IKM juga menyediakan kursus-kursus keusahawanan untuk anggota koperasi dan individu yang berminat untuk menjadi usahawan. Program yang ditawarkan dalam pelbagai bidang antaranya pengurusan perniagaan, pelancongan (seperti perniagaan *homestay*), kewangan, teknologi maklumat dan komunikasi serta program-program e-dagang;
- (vi) memudahkan keperluan kumpulan sasar secara inklusif yang meliputi kumpulan minoriti, belia, wanita, orang kurang upaya (OKU) dan pesara untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan; dan
- (vii) mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan keusahawanan di kawasan luar bandar untuk membangunkan lebih ramai usahawan dan PKS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah perbezaan bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berbanding dengan Kementerian Kewangan; dan
- (b) adakah Kementerian atau Menteri Kewangan yang bertanggungjawab untuk menjawab soalan berkaitan ekonomi negara dari semasa ke semasa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) merupakan sebuah kementerian baharu yang mengambil alih peranan dan fungsi yang sebelum ini dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). MEA bertanggungjawab dalam aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar pembangunan sosioekonomi negara, termasuk penetapan dan pengagihan peruntukan pembangunan bagi tempoh jangka sederhana dan panjang.
2. Manakala Kementerian Kewangan (MOF) pula menumpukan kepada dasar berkaitan fiskal, kewangan, perolehan, percukaian dan ekonomi untuk tempoh jangka pendek.
3. Berkaitan pertanyaan berikutnya, kedua-dua Kementerian bertanggungjawab untuk menjawab soalan berkaitan ekonomi negara berdasarkan fungsi yang telah ditetapkan. MEA dan MOF saling bekerjasama dalam menetapkan dan memastikan sasaran pertumbuhan ekonomi negara dicapai.
4. MEA bertanggungjawab dalam menjawab soalan berkenaan hala tuju pembangunan sosioekonomi negara bagi jangka masa sederhana dan panjang seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun. Manakala, MOF pula bertanggungjawab menyediakan maklum balas berkenaan ekonomi semasa/jangka pendek yang menyentuh pelaksanaan dasar fiskal dan monetari, sistem percukaian, perolehan dan pengurusan kewangan yang berimbang.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
28 Mac 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 12

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah yang amat teruk di beberapa sekolah di Sarawak termasuk di Parlimen Kanowit akibat banjir besar musim perayaan Tahun Baru Cina 2019 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin berkenaan keadaan sekolah terutamanya apabila melibatkan bencana dan kejadian yang tidak diingini berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2019 berlaku pada tarikh antara 1 Februari hingga 28 Februari 2019. Kejadian ini melibatkan 23 buah sekolah rendah yang terletak di dalam tujuh(7) buah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Daripada jumlah tersebut, lapan(8) buah sekolah terletak di bawah PPD Kanowit.

Anggaran awal kerosakan adalah sebanyak RM275ribu yang melibatkan perabot, peralatan ICT, peralatan bukan ICT, kerja-kerja pendawaian, kerosakan fizikal dan lain-lain kerosakan. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak sedang menyediakan laporan penuh tentang kerosakan bagi kesemua 23 buah sekolah yang terlibat termasuk sekolah-sekolah yang terjejas di PPD Kanowit. Laporan penuh tersebut dijangka siap pada awal April 2019.

Penyaluran peruntukan bagi pembaikan kerosakan yang terlibat akan diuruskan setelah KPM menerima laporan penuh kerosakan.

Pada masa yang sama, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM250ribu kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan RM50ribu kepada setiap PPD di Negeri Sarawak pada 11 Februari 2019 bagi membiayai keperluan pembaikan-pembaikan segera dan mendesak melibatkan sekolah-sekolah di Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih

RJM 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN
[PAPAR - WARISAN]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pelaksanaan Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS) ini di Sabah dan pemantauannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Program Sekolah Pemimpin Masa Hadapan (MFLS) di Sabah dan di semua lokasi lain bermula pada April 2019. Bagi negeri Sabah, pelaksanaan MFLS adalah sebanyak 15 kohort (siri) yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan melibatkan sejumlah 1,350 orang peserta.

2. Pemantauan program berkenaan adalah di bawah tanggungjawab kumpulan pemantau yang dilantik dalam kalangan guru-guru, pegawai Kementerian Belia dan Sukan dan pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula bantuan tanam semula pekebun kecil dari RM9,320/hektar kepada RM 11,000/hektar, kerana kos untuk tanam semula getah telah meningkat berkali ganda yang memberi keperitan kepada pekebun kecil.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian memahami akan keperitan yang terpaksa ditanggung oleh pekebun kecil getah berikutan kos tanam semula yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, pihak Kementerian melalui RISDA bersedia untuk mengkaji semula kadar bantuan tanam semula getah kepada pekebun kecil dengan mengambil kira kos sara hidup dan kos pembangunan kebun yang semakin tinggi tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan mengkaji model pembiayaan pembangunan kebun yang lebih baik supaya tidak membebankan pekebun kecil.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar RM9,230/hektar adalah merupakan kadar yang ditetapkan oleh pihak RISDA bagi Semenanjung Malaysia, manakala kadar bagi Sabah adalah RM14,000/hektar dan Sarawak adalah RM13,500/hektar.
3. Jumlah ini adalah sebahagian daripada kos keseluruhan pembangunan tanam semula per hektar. Adalah menjadi dasar pihak RISDA bahawa pembangunan tanam semula tidak dibiayai daripada geran bantuan pada kadar 100%. Misalnya, jumlah RM9,230/hektar ini merupakan sebahagian daripada kos keseluruhan tanam semula sebanyak RM12 ribu per hektar. Baki kos ditampung oleh pekebun atau pemilik ladang.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
28 Mac 2019

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALI ANAK BIJU
KAWASAN : SARATOK
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB TUAN ALI ANAK BIJU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bekekaan dengan peratusan laporan kemajuan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sektor Jambatan Awik ke persimpangan Bintangor. Adakah sektor ini mengalami masalah kelewatan pembinaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pakej Kerja Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor sepanjang 64 km merupakan sebahagian daripada 11 pakej kerja Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Sehingga bulan Februari 2019, prestasi kemajuan fizikal pakej kerja tersebut adalah mendahului jadual dengan 29.10% berbanding jadual 22.03% di mana ianya dijangka siap pada 31 Ogos 2020.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.16

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) apakah status terkini isu PTPTN berhubung pembayaran balik pinjaman; dan
- b) berapakah jumlah pemohon baharu, jumlah kutipan bayaran balik setakat 2018 dan langkah Kementerian bagi menggalakkan peminjam untuk membayar semula hutang mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Jemaah Menteri mengarahkan agar pelaksanaan Potongan Gaji Berjadual (PGB) peminjam PTPTN ditangguhkan bagi mendapat pandangan pemegang taruh selepas menerima maklumbalas daripada masyarakat. Buat masa ini sesi libat urus sedang dijalankan melibatkan semua pihak yang berkepentingan seperti Persatuan Majikan, Persatuan Pekerja, Persatuan Belia, Majlis Perwakilan Pelajar, badan bukan Kerajaan dan lain-lain pemegang taruh yang akan dijalankan selama enam bulan bermula Januari 2019 hingga Jun 2019. Cadangan baharu serta implikasi kewangan bagi pelaksanaan skim PGB akan disediakan setelah mengambil kira semua pandangan daripada sesi tersebut.

b) Sehingga 31 Januari 2019, seramai 3,007,854 orang telah diluluskan pinjaman PTPTN dengan jumlah peruntukan sebanyak RM69.08 bilion. Manakala, jumlah kutipan bayaran balik PTPTN yang telah diterima adalah sebanyak RM14.52 bilion yang melibatkan seramai 1,563,404 orang peminjam.

Bagi menggalakkan peminjam untuk membayar semula hutang mereka, kaedah penyelesaian yang disediakan adalah:

- i. membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman mereka berdasarkan kemampuan sehingga berumur 60 tahun; dan
- ii. peminjam digalakkan menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan dan keberhutangan yang serius.

Sekian, terima kasih

RJM 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kenapa pemaju perlu membuat sumbangan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) semasa memajukan sesuatu projek padahal TNB mengutip bayaran daripada pelanggan-pelanggannya sebagai satu perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman, bayaran caj sambungan yang dikenakan kepada pemaju oleh pihak Tenaga Nasional Berhad semasa memajukan sesuatu projek adalah sebahagian daripada jumlah keseluruhan kos infrastruktur bagi menyediakan bekalan elektrik kepada projek tersebut sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 27 subseksyen (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].
2. Sekiranya caj ini tidak dikenakan kepada pihak pemaju maka kos tersebut akan ditanggung oleh semua pengguna lain sedangkan infrastruktur yang dibangunkan adalah khusus untuk pengguna tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertumbuhan simpanan rakyat di institusi kewangan dari tahun 2010 hingga 2018.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada akhir tahun 2018, simpanan isi rumah adalah berjumlah RM1,863 bilion. Kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compound annual growth rate*, CAGR) simpanan isi rumah pula adalah sebanyak 8.4% sejak tahun 2010.
2. Sejak daripada tahun 2010, deposit simpanan di bank dan bukan bank serta instrumen mirip deposit seperti dana unit amanah yang prinsipalnya terjamin, telah meningkat sekali ganda kepada RM1,021 bilion pada akhir tahun 2018, berbanding RM570.6 bilion pada akhir tahun 2010. Kebanyakan isi rumah juga memiliki simpanan dalam bentuk caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berjumlah sebanyak RM841.6 bilion.
3. Selain itu, isi rumah juga mempunyai aset mudah tunai yang lain seperti pelaburan dalam pasaran ekuiti atau pemilikan polisi insurans. Sehingga akhir tahun 2018, aset mudah tunai isi rumah telah berada pada paras RM677.7 bilion dengan CAGR 6.1% sejak tahun 2010.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila ladang tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.
3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi ladang dan pembiayaan peneroka. Kos operasi ladang adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.

4. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini juga dikenakan faedah pada kadar kadar efektif 3.8%. Selain itu, kos jalan pertanian dan isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.
5. Justeru, Kerajaan meneliti secara menyeluruh isu hutang tidak wajar untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Perkara ini menjadi sebahagian daripada hala tuju dalam menangani isu-isu yang dibebankan kepada peneroka FELDA. Perincian isu dan langkah penyelesaian akan dicerakinkan dalam pembentangan Kertas Putih FELDA yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
28 Mac 2019

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

(a) jumlah kes kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuhraya Pan Borneo atau jalan-jalan alternatif ketika pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang disebabkan kegagalan pematuhan langkah keselamatan oleh kontraktor; dan

(b) apakah langkah keselamatan yang diambil Kementerian dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya dijamin ketika kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo disebabkan banyak kemalangan jalan raya berlaku ketika kerja pembinaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengguna jalan raya bagi Lebuhraya Pan Borneo Sarawak akan mula menggunakan 2 lorong sebelah yang telah dinaiktaraf secara berperingkat mulai bulan Julai 2019. Ini bakal mengurangkan ketidakselesaan dan menambahbaik aspek keselamatan bagi pengguna jalan raya dalam tempoh pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut digunapakai bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak:

1. Prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan* – TMP) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya, berpandukan kepada Piawaian Arahan Teknik JKR;
2. Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan (BOWEC – Building Operation and Works of Engineering Construction) 1986;
3. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
4. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Awam di Tapak Bina Tahun 2007.

Sekiranya terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang telah dinyatakan, pihak Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) akan mengarahkan kontraktor agar memberhentikan kerja-kerja pembinaan buat sementara waktu sehingga penambahbaikan dipatuhi. Selain itu, satu Notis Penambahbaikan atau *Corrective Action Request* (CAR) akan dikeluarkan oleh pihak PDP kepada kontraktor untuk tujuan masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran kebaikan vaksin di kalangan ibu bapa serta menghapuskan stigma negatif terhadap vaksin.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari wujudnya kelompok ibu bapa yang menolak vaksin untuk diberi kepada bayi dan anak-anak mereka dengan alasan-alasan tertentu. Penyebaran pendirian dan dakyah golongan yang menolak vaksin dengan mengaitkan fakta-fakta yang salah berkaitan vaksin dan program imunisasi adalah satu fenomena yang tidak sihat kerana ia menurunkan peratus penerimaan imunisasi seterusnya mendedahkan kepada penularan penyakit cegahan vaksin.

Antara usaha-usaha Kementerian Kesihatan Malaysia bagi meningkatkan kesedaran kebaikan vaksin di kalangan ibu bapa serta menghapuskan stigma negatif terhadap vaksin dengan menggunakan pendekatan pelbagai kaedah, seperti:

- i. Bekerjasama dengan JAKIM dan Pejabat Mufti untuk membetulkan pandangan masyarakat terutama tentang hukum dan fatwa berkaitan imunisasi; dan
- ii. Mengadakan aktiviti-aktiviti publisiti dan pendidikan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 22

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha Kementerian memperkasakan program pengurangan kemudaran dari aspek sosial dengan melibatkan institusi masjid, seperti yang pernah dijalankan di Masjid Ar-Rahman dan di surau Ad-Deeniah, memandangkan 22 pusat rehabilitasi *Cure and Care* ini telahpun ditutup.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Dewan yang mulia ini, Kementerian mempunyai 30 buah *Cure & Care Rehabilitation Centres* (CCRC) yang dikendalikan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Kesemua CCRC tersebut masih beroperasi seperti biasa dan kenyataan bahawa 22 buah pusat pemulihan *Cure & Care* telah ditutup adalah tidak benar.

Dalam memperkasakan program pengurangan kemudaran dari aspek sosial, Kementerian sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian lain yang berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebagai contoh, program pengurangan kemudaran (*harm reduction*) yang diperkenalkan sejak tahun 2005 melalui

pendekatan *Medication-Assisted Therapy* dan *Needle Syringe Exchange Programme* di bawah seliaan Kementerian Kesihatan. Program ini melibatkan kerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan yang banyak membantu individu-individu terpinggir yang terjebak dengan penagihan dadah.

Program pengurangan kemudaran ini telah berjaya meningkatkan akses penagih dadah kepada rawatan dan pemulihan dadah dengan sebanyak 889 buah fasiliti yang menawarkan perkhidmatan kepada 99,481 orang pada tahun 2017. Fasiliti-fasiliti ini termasuk Klinik Kesihatan KKM, Hospital KKM, Fasiliti AADK, Institusi Penjara, Klinik *General Practitioner* swasta dan *University of Malaya Center for Addiction Science Studies* (UMCAS).

Penglibatan institusi Masjid dalam program pengurangan kemudaran bagi menambah baik komponen spiritual dalam proses pemulihan adalah dialu-alukan. Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Rawatan dan Pemulihan Bil. 1/2019 pada 4 Mac 2019 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan. Ia dicadangkan untuk dilaksanakan melalui kenderaan *mobile clinic* yang boleh digerakkan ke masjid-masjid di sesuatu kawasan dan dicadangkan untuk dilaksanakan di lima buah Masjid di Lembah Klang terlebih dahulu. Kajian lanjut bagi menentukan kebolehlaksanaan dan penambahbaikan cadangan ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bersama pihak Universiti Malaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 23

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless Indians*) dalam tempoh pentadbiran dan berapa jumlah mereka yang telah menerima kewarganegaraan setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan rekod individu tanpa kewarganegaraan (*stateless*), adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya merekodkan status seseorang individu sebagai warganegara atau bukan warganegara berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Justeru itu, tiada individu yang direkodkan sebagai *stateless* di Malaysia.

Kementerian sedang melaksanakan tindakan segera terhadap permohonan daripada individu di kalangan kaum India secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Bagi permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan antara tahun 2013 hingga 30 Mei 2018, Kementerian telah berjaya menyelesaikan kesemua 1,667 permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas. Daripada jumlah tersebut, 1,641 permohonan telah diluluskan manakala baki 26 permohonan telah ditolak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan bagi pemohon yang telah diluluskan permohonan kewarganegaraan dan pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan sepertimana berikut:-

- i. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan kewarganegaraan;** dan
- ii. Pemohon yang telah **diluluskan permohonan dan dianugerahkan kewarganegaraan.**

Justeru itu, para pemohon yang telah mendapat kelulusan hendaklah **hadir ke JPN bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan.** Dalam hal ini, kad pengenalan (MyKad) hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai Sijil tersebut. Berdasarkan rekod JPN dari 10 Mei 2018 hingga 15 Februari 2019, jumlah pemohon kewarganegaraan berketurunan India yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah seramai 548 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 24

**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta
MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah
penguatkuasaan yang dijalankan dalam membanteras kegiatan jenayah
siber seperti perjudian dalam talian yang mudah terdedah khususnya
kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat
komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar
umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan
oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk
memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih
berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian
sepertimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai
2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik
gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat
berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat

aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Antara langkah lain yang diambil untuk membendung aktiviti perjudian atas talian seperti berikut:-

- i) Mengambil tindakan alternatif terhadap penganjur kegiatan perjudian haram di bawah dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk di dakwa di Mahkamah;
- ii) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menutup atau menyekat semua laman sesawang yang berunsurkan perjudian dari luar negara;
- iii) Bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air (PBA) negeri untuk tindakan pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap premis yang mengulangi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953; dan
- iv) Mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membatalkan lesen Pusat Hiburan Keluarga (PHK) yang disalahgunakan menjadi tempat perjudian serta menggariskan kelulusan lesen PHK untuk masa hadapan.

Statistik tindakan yang diambil perjudian loteri haram bagi tahun 2017 dan 2018 mengikut kontinjen seperti berikut:-

KONTINJEN	SERBUAN		TANGKAPAN		RAMPASAN WANG	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
PERLIS	85	80	200	82	11971	25218
KEDAH	1333	1024	1362	1053	187883	116668
P.PINANG	1338	1129	1416	1189	206082	223604
PERAK	567	547	582	558	117746	101704
SELANGOR	1014	1775	1026	1870	221000	267056
K.LUMPUR	114	466	146	552	32785	131793
N.SEMBILAN	753	1698	774	1713	141765	160524
MELAKA	250	295	254	300	27704	41123
JOHOR	2644	2445	2708	2484	383698	333524
PAHANG	417	423	393	394	107053	74208
TERENGGANU	65	63	65	63	4744	4908
KELANTAN	67	130	75	144	40127	18478
SABAH	294	494	379	624	93069	337960
SARAWAK	990	1593	1172	1796	313274	588469
JUMLAH	9931	12162	10552	12822	1888901	2425237

Selain jenayah melibatkan perjudian haram, Kementerian juga menyedari trend jenayah masa kini yang melibatkan jenayah komersil yang menyebabkan kerugian yang besar kepada mangsa penipuan jenayah ini.

Statistik Jenayah Komersil mengikut kategori kes bagi tahun 2017 dan tahun 2018 seperti berikut:-

KESALAHAN	2017	2018	-/+	%
1) TIPU (SEK 415- 420KK)	22,788	20,261	-2,527	-11.1
2) PECAH AMANAH JENAYAH (SEK 405- 409KK)	2,598	2,075	-523	-20.1
3) AHLONG (APPW)	1,187	759	-428	-36.1
4) JENAYAH SIBER (A. JENAYAH KOMPUTER, AKMM)	538	521	-17	-3.2
5) WANG PALSU (SEK 489KK)	281	198	-83	-29.5
6) LAIN-LAIN KES (PATI, Akta IMG)	265	149	-116	-43.8
7) VCD/DVD (A. HAK CIPTA, A. PENAPISAN FILEM, A. MESIN CETAK, SEK. 292 KK)	686	123	-563	-82.1
8) PEMALSUAN (SEK. 463 - 477 KK)	160	122	-38	-23.8
9) SALAH GUNA HARTA (SEK. 403 - 404 KK)	72	54	-18	-25.0
JUMLAH KES	28,575	24,262	-4,313	-15.1

Pihak PDRM melalui inisiatif Jabatan Siasatan Jenayah Komersil juga telah melancarkan portal semakan mule akaun secara atas talian melalui laman web ccid.rmp.gov.my/semakmule/. Melalui portal ini orang awam boleh membuat semakan terhadap mana-mana akaun bank sama ada ianya pernah dilaporkan kepada pihak polis berkaitan kes-kes jenayah komersil. Ini dapat membantu orang awam dengan membuat semakan awal untuk mengelak menjadi mangsa penipuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : NO. 25

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah projek-projek pembangunan di Parlimen Bukit Gantang seperti pembinaan Taman Mewah Fasa 1, Bukit Gantang, Perak. (RM 200,000), membina Surau Hujung Matang, Bukit Gantang, Perak. (RM 250,000), penambah baik dan menaik taraf Masjid Al Islah, Pengkalan Aur, Taiping, Perak. (RM 1,400,000), peruntukan tambahan bagi menaik taraf Sekolah Agama Rakyat/Madrasah dan kerja-kerja berkaitan di Kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM 1,000,000), projek-projek Kecil di Kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM260,000) dan projek-projek Kecil dan Pembekalan Peralatan/Keperluan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak. (RM 500,000.00) yang dibatalkan disebabkan Surat Setuju Terima (SST) belum dikeluarkan akan dipertimbangkan semula permohonan demi kesejahteraan rakyat. **Apakah bentuk prosedur yang ditetapkan bagi memudahkan proses permohonan semula ini.**

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bagi projek yang telah dibatalkan berikutan daripada Surat Setuju Terima (SST) belum dikeluarkan yang melibatkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat, permohonan boleh dikemukakan semula untuk pertimbangan selanjutnya.

Walau bagaimanapun pertimbangan kelulusan adalah tertakluk kepada siasatan keperluan bagi menentukan keutamaan projek-projek dan peruntukan semasa yang mencukupi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL
(MAS GADING)

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pihak industri mendapatkan pekerja tempatan khususnya dalam sector dan jenis pekerjaan yang terbukti kurang diminati oleh pencari kerja tempatan serta langkah-langkah yang telah diambil atau dicadangkan oleh Kerajaan untuk menaikkan tahap gaji atau upah pekerja-pekerja Malaysia.

PN-1412- L04029

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja bagi mendapatkan pekerjaan di negara ini sesuai dengan latar belakang pendidikan, keupayaan dan kemahuan pencari kerja berkenaan.
2. Pelbagai program yang bermanfaat dan berfaedah turut dilaksanakan semasa program karnival berlangsung. Ini termasuk Program Penyesuaian Kerjaya (2PK) di mana beberapa modul yang relevan kepada bakal para pencari kerja telah diperkenalkan seperti ujian personaliti, tips menghadiri temuduga, penulisan resume, pengurusan kewangan dan pembangunan kerjaya.
3. Penempatan pencari kerja keseluruhan dari 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018, seramai 168,677 orang pencari kerja yang terdiri daripada 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah.
4. Sistem Portal Pekerjaan *JobsMalaysia* telah dinaik taraf dibawah projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11

SOALAN NO:26

(RMKe-11). Objektif pembangunan sistem dijalankan bertujuan meningkatkan penyampaian perkhidmatan di seluruh negara sebagai hub utama pepadanan pekerjaan awam dan meningkatkan mobilisasi tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan disektor swasta secara atas talian.

5. Kemudahan ini juga di sediakan di semua Pejabat-pejabat Tenaga Kerja (PPTK) iaitu di 54 pejabat Tenaga Kerja di Semenanjung, di 14 pejabat di Sabah, di 16 pejabat di Sarawak, di 18 Pusat *JobsMalaysia* (JMC) dan di 13 buah Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan. Perkhidmatan ini juga telah diperluaskan melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2010, Panduan Urusan Pengambilan Tenaga Kerja Menerusi Penggunaan Portal *JobsMalaysia* turut dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk memberi panduan mengenai penggunaan Portal *JobsMalaysia* sebagai saluran utama bagi pengambilan tenaga kerja di agensi-agensi Kerajaan.

6. Pada tahun 2018, *JobsMalaysia* telah melakukan sebanyak 3,726,966 pepadanan pekerjaan (*jobs matching*) terhadap 93,171 kekosongan aktif terhadap semua kategori pekerjaan. Daripada usaha ini seramai 168,677 (98.1%) pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan (*jobs placement*). Daripada jumlah tersebut, seramai 47,073 orang siswazah dan 121,604 orang bukan siswazah telah mendapat pekerjaan.

SOALAN NO:26

Tuan Yang di Pertua,

7. Bagi meningkatkan gaji pekerja, secara dasarnya, Kerajaan akan mengkaji semula gaji minimum sektor swasta (Perintah Gaji Minimum) sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun seperti yang ditetapkan dalam seksyen 25(1), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

8. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Indeks Gaji Kebangsaan [*National Wage Index (NWI)*] yang akan digunakan sebagai penanda aras gaji terhadap trend pasaran buruh. NWI akan membolehkan Kerajaan menilai perubahan gaji dalam pasaran buruh di mana maklumat tersebut boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan dalam penetapan gaji, kajian semula kadar gaji minimum dan dasar perburuhan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Antara pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk menaikkan tahap gaji atau upah pekerja-pekerja Malaysia kepada suatu tahap yang lebih tinggi adalah seperti berikut:

- (i) menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja di negara ini dan

SOALAN NO:26

meningkatkan rantai pengeluaran agar dapat berdaya saing diperingkat antarabangsa;

- (ii) menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) atau *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value job* dan *knowledge worker* (*k-worker*). Oleh yang demikian negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*low paying jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value job* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju; dan
- (iii) mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing tidak mahir (*unskilled*) yang bergaji rendah (*low pay jobs*). Langkah ini perlu diambil kerana pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah adalah antara penyumbang terhadap peratusan kadar upah yang rendah berbanding KDNK negara.

10. Kesimpulannya, Kerajaan sedar bahawa usaha untuk meningkatkan kadar gaji minimum memerlukan komitmen yang tinggi dan usaha ke arah itu perlu dilaksanakan secara berterusan agar ia seiring dengan perkembangan daya saing dan juga ekonomi Negara secara keseluruhannya.

SOALAN NO:26

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes penceraian orang Islam yang telah difailkan sepanjang tahun 2018 mengikut pecahan negeri.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod statistik yang diperolehi daripada Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah (SPKMS) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, jumlah kes perceraian yang telah difailkan sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak **60,612 kes** mengikut pecahan kes seperti berikut :

1. Permohonan Perceraian Dengan Talak : **30,178 kes**;
2. Pengesahan Cerai Luar atau Tanpa Kebenaran Mahkamah : **20,064 kes**;
3. Tuntutan Perceraian Fasakh : **7,702 kes**;
4. Tuntutan Perceraian Ta'liq : **2,484 kes**; dan
5. Tuntutan Cerai Tebus Talaq atau *Khulu'* : **184 kes**.

Manakala jumlah kes perceraian yang telah difailkan bagi tahun 2018 mengikut negeri pula, pecahannya adalah seperti berikut :

1. Negeri Selangor : **11,860 kes;**
2. Negeri Johor : **6,185 kes;**
3. Negeri Kedah : **5,676 kes;**
4. Negeri Kelantan : **4,545 kes;**
5. Negeri Terengganu : **4,401 kes;**
6. Negeri Perak : **4,361 kes;**
7. Negeri Sabah : **4,348 kes;**
8. Negeri Pahang : **4,249 kes;**
9. Wilayah Persekutuan : **4,225 kes;**
10. Negeri Sembilan : **2,793 kes;**
11. Negeri Sarawak : **2,747 kes;**
12. Negeri Pulau Pinang : **2,346 kes;**
13. Negeri Melaka : **1,940 kes;** dan
14. Negeri Perlis : **936 kes.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 28

Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di pintu sempadan sekiranya ia beroperasi 24 jam mulai April ini :-

- (a) adakah Kerajaan akan menambah jumlah petugas keselamatan untuk mengawal sempadan ; dan
- (b) adakah semua peralatan pemantauan termasuk kamera litar tertutup (CCTV) di sepanjang pagar sempadan di Bukit Kayu Hitam mencukupi untuk membanteras pencerobohan .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Pada dasarnya, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 149 perjawatan baru bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal sempadan negara di Bukit Kayu Hitam, Kedah apabila pintu sempadan mula beroperasi selama 24 jam dijangka pada April 2019 nanti. Pada ketika ini sebuah balai polis baru telah pun beroperasi dengan kekuatan seorang Pegawai Kanan dan 76 orang pegawai pangkat rendah.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan kajian untuk menambahbaik kamera litar tertutup (CCTV) yang sedia ada dan juga menambahkan lagi bilangan CCTV di tempat-tempat yang strategik di sempadan negara sebagai usaha untuk mencegah penyeludupan dan pencerobohan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB
(MACHANG)

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah majikan yang telah mencarum untuk pekerja mereka dalam Skim Insurans Pekerjaan dan berapakah jumlah majikan yang dikenakan tindakan kerana tidak mencarum; dan
- (b) berapakah jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada Skim Insurans Pekerjaan ini semenjak Januari 2018 - Februari 2019.

PN-1412- L03097

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat Januari 2019, sebanyak 414,497 majikan telah berdaftar dan mencarum manakala sebanyak 55,329 majikan masih belum berdaftar di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Memandangkan pelaksanaan SIP baharu sahaja diperkenalkan dan pelaksanaan sepenuhnya mulai pada 1 Januari 2019, penguatkuasaan bagi dasar ini adalah masih pada peringkat permulaan. Justeru, bagi memperkukuhkan penguatkuasaan SIP, PERKESO akan melaksanakan operasi 'Ops Kesan Kebangsaan' secara besar-besaran pada bulan April 2019.

Tuan Yang di Pertua,

2. Kerajaan telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) mulai 1 Januari 2018. Walau bagaimanapun Kerajaan telah memperuntukkan geran permulaan berjumlah RM122 juta untuk bayaran bantuan interim RM600 sebulan selama tiga (3) bulan kepada semua pekerja yang layak sekiranya diberhentikan kerja mulai 1 Januari 2018. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga 22 Februari 2019, seramai 18,485 penerima adalah merupakan penerima bantuan interim daripada 31,115 tuntutan dengan jumlah bayaran RM18.7 juta.

SOALAN NO: 29

3. Manakala bagi faedah SIP, bagi melayakkan Orang Berinsurans mendapat faedah tersebut, Orang Berinsurans mestilah memenuhi syarat kelayakan caruman mengikut tuntutan iaitu minimum 12 bulan caruman dalam tempoh 24 bulan dan akan mula boleh dibayar mulai 1 Januari 2019. Untuk makluman, faedah *full-fledge* baru sahaja berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Sehingga 22 Februari 2019 seramai 2,749 penerima telah menerima faedah SIP dengan jumlah bayaran sebanyak RM 6.1 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 30

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian boleh menggalakkan kolej-kolej perubatan yang kekurangan sumber (seperti tenaga pengajar dan hospital atau pusat perubatan sendiri) untuk bergabung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengoperasian institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah melalui permohonan oleh syarikat yang didaftarkan di dalam negara dan diuruskan sepenuhnya oleh IPTS selepas kelulusan penubuhannya diperoleh sebagaimana ditetapkan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Adalah menjadi tanggungjawab IPTS untuk memastikan kemudahan pengajaran dan pembelajaran adalah mencukupi dan memenuhi standard program. Ianya bertujuan supaya masalah kekurangan sumber seperti tenaga pengajar atau fasiliti peralatan perubatan dapat dielakkan. Peruntukan Seksyen 18 di bawah Akta 555 membenarkan IPTS bergabung dengan institusi lain samada awam atau swasta melalui permohonan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pendaftar.

Penggabungan atau perkongsian sumber yang dibenarkan Dalam kalangan IPTS seperti penggunaan kemudahan umum selain

kemudahan pembelajaran. Manakala perkongsian atau penggabungan sumber bagi bidang perubatan khususnya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan Lembaga Perubatan Malaysia (MMC) terutama penetapan pelajar dengan tenaga pengajar, penyediaan kelengkapan perubatan dan lain-lain. Oleh itu, Kementerian tidak berkompromi dengan kualiti pendidikan dalam semua bidang dan IPTS mestilah menyediakan keperluan kemudahan pembelajaran sebelum kelulusan kursus pengajian diluluskan.

Sekian, terima kasih.

RJM 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 31

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian hendak mewujudkan sebuah badan berkecuali seperti "*New Zealand Qualifications Authority*" bagi memastikan carian boleh dibuat untuk memastikan kesahihan pemilik-pemilik ijazah atau kelayakan akademik di kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan sistem pangkalan data bagi Penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan graduan Ph.D di Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang bergraduat di Malaysia sahaja. Sistem ini sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.

Bagi fasa seterusnya, penggunaan sistem ini akan diperluaskan ke peringkat sijil, ijazah sarjana muda dan sarjana di UA dan IPTS dalam negara dan juga pengumpulan data Ph.D dari luar negara. Semakan nama boleh dilayari di pautan berikut: <https://dohe.moe.gov.my/award/>.

Lanjutan daripada itu, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) yang ditubuhkan pada 1 November 2007 berikutan daripada penguatkuasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, memainkan peranan dalam melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi dan titik rujukan kriteria serta standard kelayakan kebangsaan.

Justeru itu, ianya boleh dibandingkan mempunyai peranan yang sama dengan *New Zealand Qualifications Authority* iaitu sebagai badan yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti, akreditasi pendidikan tinggi dan kerangka kelayakan.

Sekian, terima kasih

RJM93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 32

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan Klinik Kesihatan di dalam Parlimen Ledang bagi menggantikan Klinik Kesihatan Payamas dan berikan anggaran tempoh masa untuk kerja pembinaan akan mula dilaksanakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya berhasrat untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baru di Parlimen Ledang, Tangkak bagi menggantikan Klinik Kesihatan Payamas sedia ada. Permohonan peruntukan untuk cadangan projek klinik kesihatan yang baru akan dikemukakan kepada Agensi Pusat kelak setelah tapak yang bersesuaian dikenalpasti dan dimuktamadkan.

Sebagai langkah interim dan bagi tujuan keselesaan pesakit serta kakitangan klinik, kelulusan peruntukan telah diberi bagi Kerja Penggantian Bumbung Yang Bocor dan Menaiktaraf Bangunan Makmal di Klinik Kesihatan Payamas untuk tahun 2019.

Selaras dengan usaha KKM bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh untuk rakyat di Parlimen Ledang, KKM telah menyediakan 36 fasiliti kesihatan iaitu 6 Klinik Kesihatan, 28 Klinik Desa dan 2 Klinik Komuniti. Selain itu, penduduk setempat juga boleh mendapatkan rawatan dan perkhidmatan kesihatan di Hospital Tangkak yang hanya berjarak 1.5 kilometer dari Klinik Kesihatan Payamas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 28 MAC 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan punca harga rumah yang tinggi dalam pasaran terutamanya di Sabah dan apakah usaha bagi menurunkannya ke paras yang mampu milik iaitu bersesuaian dengan pendapatan tahunan isi rumah rakyat Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, punca kenaikan harga rumah termasuklah di Sabah adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya harga tanah, kos bahan binaan, kos bahan mentah, kos pematuhan seperti caj premium tanah, caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti serta kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.

2. Antara usaha yang telah diambil Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menangani isu harga rumah adalah dengan pelaksanaan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Dasar ini dirangka bagi menggariskan standard dan spesifikasi utama bagi pembangunan rumah mampu milik yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta mengikut penetapan 2 kategori harga rumah iaitu:

- i) Dibawah RM150,000; dan
- ii) RM150,000 hingga RM300,000.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kategori harga rumah mampu milik yang dicadangkan ini adalah berdasarkan kepada harga rumah semasa dengan menggunakan formulasi *standard median multiple* dan pendapatan isi rumah median. Penetapan harga rumah mengikut kategori ini akan dibahagikan berdasarkan klasifikasi kawasan mengikut bandar dan luar bandar. Formulasi kategori harga rumah ini juga adalah berdasarkan kepada kemampuan rakyat mengikut pendapatan isi rumah median di lokasi berkenaan.

4. Sebagai contoh di Sabah, harga rumah mampu milik mengikut pendapatan isi rumah di kawasan bandar adalah RM167,148. Manakala bagi kawasan luar bandar Sabah, harga rumah mampu milik mengikut pendapatan isi rumah adalah RM112,392.

5. Justeru, kategori harga rumah yang mampu dimiliki oleh penduduk **bandar di Sabah** adalah dalam **kategori harga jualan jenis II (RM150,000 hingga RM300,000)**, manakala bagi penduduk **luar bandar Sabah** pula kategori harga rumah yang mampu dimiliki adalah dalam **kategori harga jualan jenis I (RM150,000 dan ke bawah)**.

6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan bersama kerajaan-kerajaan negeri untuk mengkaji kaedah terbaik seperti pemberian kelulusan khas terhadap caj pembangunan dan premium tanah bagi perumahan mampu milik. Dengan ini, Kementerian yakin harga rumah dapat dikurangkan dan pihak Kerajaan Persekutuan dan swasta dapat meningkatkan penawaran rumah mampu milik. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membina semula kuarters Klinik Kesihatan Nabawan yang lama yang telah mengalami kebakaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, KKM sedang membina Klinik Kesihatan Nabawan dengan kuarters yang baharu bagi menggantikan klinik yang lama. Sebanyak 44 unit kuarters akan dapat disediakan bagi menampung keperluan anggota KKM yang bertugas di klinik berkenaan. Walau bagaimanapun, KKM mengambil maklum bahawa jumlah kuarters baharu ini tidak dapat menampung keperluan keseluruhan anggota sedia ada yang memerlukan kuarters pada masa ini.

Sehubungan itu, Kementerian sedang meneliti keperluan tambahan kuarters untuk menggantikan kuarters yang terbakar bagi memastikan aspek kebajikan anggota KKM diberikan perhatian agar penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 35

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah terdapat aktiviti mengorek pasir secara haram dan pencerobohan di tanah milik Kerajaan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aktiviti pengorekan pasir di tanah milik Kerajaan adalah tertakluk kepada kelulusan permit atau lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya berlaku pencerobohan atau pengorekan pasir secara haram, tindakan penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri masing-masing.

Bagi aktiviti pengorekan pasir di Pelantar Benua iaitu kawasan lautan selepas 3 batu nautika daripada tikas air surut adalah tertakluk kepada kelulusan lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli merujuk kepada Akta Pelantar Benua 1966. Sekiranya berlaku pengorekan pasir secara haram, tindakan pemantauan pengorekan pasir akan dibuat oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dan penguatkuasaan dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 28 MARCH 2019

SOALAN : 36

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rasional kelulusan diberikan kepada permohonan lawatan sambil belajar pihak Polis Diraja Malaysia ke Turki yang dibiayai oleh sebuah syarikat perjudiaan, Da Ma Cai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi Pegawai Kanan Polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga

Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:-

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1-6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00; dan
- iv) Pada 16 Mac 2017- Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang di perolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut: -

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasan, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara “*on course*” atau “*off Course*” di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini;
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembenterasan pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI
[JELUTONG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan bercadang untuk melaksanakan projek-projek LRT/MRT di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membentangkan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang dan LRT Bayan Lepas kepada Kementerian Pengangkutan pada 23hb Januari 2019 yang lepas.
2. Di antara matlamat utama pelan induk ini adalah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin teruk di Pulau Pinang, dan mengatasi kekurangan infrastruktur pengangkutan awam di samping meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam kepada 40%.
3. Pelan induk ini merangkumi perancangan pengangkutan awam, perancangan lebuh raya dan jalan raya, dan juga penambakan tanah di Selatan Pulau Pinang. Di bawah perancangan untuk pengangkutan awam, beberapa projek telah dicadangkan antaranya LRT Bayan Lepas, LRT Georgetown-Butterworth dan BRT.
4. Pada masa ini, pihak Kerajaan Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan kelulusan skim kereta api untuk Projek LRT Bayan Lepas kepada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat. Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), pelaksanaan projek ini hanya akan bermula setelah skim kereta api ini diluluskan oleh YB Menteri Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

**DARIPADA : Tuan Lukanisman bin Awang Sauni
[Sibuti]**

SOALAN : 38

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menambah hari persidangan kepada 100 hari bagi membolehkan sesuatu rang undang-undang tidak dibahas secara terburu- buru dan adakah Parlimen akan memperkenalkan sesi soal jawab khas Perdana Menteri dalam tempoh sekurang-kurangnya 45 minit dalam sesi penggal kali ini.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti cadangan untuk melaksanakan reformasi Parlimen termasuk cadangan menambah hari persidangan. Sehubungan itu, cadangan ini perlu dibawa ke Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas bagi dibincang seterusnya diberi pertimbangan sewajarnya.
2. Bagi cadangan memperkenalkan sesi soal jawab khas Perdana Menteri, sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini telah pun diperuntukkan Waktu Khas Pertanyaan Menteri (MQT) sebanyak 2 kali seminggu bertujuan membolehkan soalan isu serius dan mutakhir dijawab oleh Menteri berkaitan. YAB Perdana Menteri untuk sidang pada kali ini telah pun menggunakan sesi MQT ini untuk menjawab dua soalan yang dikemukakan ahli-ahli Dewan Rakyat pada 12 Mac 2019 yang lepas. Untuk makluman, YAB Perdana Menteri juga dijadualkan hadir bagi satu lagi sesi MQT pada tarikh yang akan ditentukan kelak.
3. Oleh itu, sesi MQT adalah memadai memandangkan YAB Perdana Menteri boleh memanfaatkan slot berkenaan untuk menjawab soalan-soalan berkaitan isu mutakhir di samping ia juga dapat memberi peluang untuk Menteri-menteri yang lain menjawab isu mutakhir berkaitan portfolio masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 39

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan dilakukan untuk menepati keperluan semasa, dan adakah pihak Kementerian akan melakukan kerjasama dengan swasta bagi membangunkan sistem pendidikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Dalam usaha untuk memastikan TPV relevan dengan keperluan industri, KPM telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta dan industri dalam memperkasakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Proses ini merupakan proses yang berterusan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan sekaligus memastikan graduan yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Antara inisiatif-inisiatif yang diambil dalam memperkasa TVET adalah seperti berikut:

1. Menawarkan program berteknologi tinggi dan nilai tinggi dan bersifat DOFA iaitu *Dynamic, Organic, Fluid dan Agile* mengikut kehendak industri setempat agar sentiasa relevan dan responsif;

2. Memastikan program yang ditawarkan mendapat akreditasi dan pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau badan professional seperti Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC), Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), termasuk perolehan pengiktirafan antabangsa dari agensi luar seperti *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC); dan
3. Mengadakan kolaborasi industri berimpak tinggi seperti membawa masuk industri ke institusi, atau menggunakan fasiliti industri bagi memberi pendedahan dunia pekerjaan sebenar kepada pelajar.

Seterusnya atas usaha Kerajaan melalui Kementerian ini, beberapa kerjasama telah diadakan di antara Kerajaan dan swasta untuk membangunkan pendidikan ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

1. Sehingga kini, sebanyak 825 *Memorandum of Understanding* (MoU) telah dibuat bersama-sama pihak industry. Antara syarikat dan pihak industri yang telah menandatangani MoU bersama-sama KPM termasuklah pihak Sabah Shell, Sarawak Shell, Panasonic, Perodua, *United Engineers Malaysia Berhad* (UEM) dan Kedah Industrial Skills and Management Development Centre (KISMEC);
2. Program *Industry on Campus* dengan membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri;
3. Sumbangan atau perkongsian peralatan di mana industri membawa masuk peralatan ke dalam institusi;
4. *Research & Development* bersama industri yang melibatkan penambahbaikan produk/servis termasuk Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN);
5. Penubuhan Majlis Penasihat Industri (MPI) berperanan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti akademik dan kolaborasi; dan
6. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Kebolehpasaran (EAC) berperanan menyediakan maklumat hala tuju industri dan implikasinya terhadap permintaan dan bekalan tenaga kerja serta memberi input mengenai isu-isu semasa yang berkaitan pekerjaan buruh sektor negara bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih. RJM 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 40

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- a) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan sebuah pangkalan data bagi Majlis Akreditasi Sijil Akademik yang diiktiraf di negara ini; dan
- b) apakah Kementerian bersedia untuk mewujudkan undang-undang baharu seperti Akta Verifikasi atau pengesahan kelulusan akademik diperingkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa memastikan pendidikan yang disediakan kepada rakyat adalah pendidikan yang berkualiti dan mampu memenuhi kehendak pasaran dan industri. Sehubungan itu, kelulusan kursus pengajian yang diberikan kepada institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 38, Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dengan syor daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan adalah berkualiti dan mencapai standard minimum yang ditetapkan oleh MQA, kursus pengajian mestilah memperoleh akreditasi penuh sebelum boleh diperbaharui tempoh sahlaku kursus pengajian yang

akan dijalankan. Orang awam boleh membuat semakan akreditasi kursus pengajian yang ditawarkan melalui laman sesawang MQA.

Manakala Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) juga menyediakan pangkalan data yang membolehkan orang awam membuat semakan maklumat IPTS dan semakan sahlaku kursus pengajian. Maklumat lain yang boleh dicapai oleh orang awam ialah senarai IPTS yang berdaftar dan alamat beroperasi melalui laman sesawang ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab orang awam terutama ibu bapa dan pelajar untuk membuat semakan dan seterusnya memilih kursus pengajian yang sah untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

- b) Dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan tahap integriti pendidikan tinggi negara, aspek kesahihan dokumen akademik amat dititikberatkan oleh Kementerian. Bagi tujuan ini satu Garis Panduan Pengesahan Dokumen Akademik telah dibangunkan dan dikuatkuasakan bermula 15 Januari 2019. Garis panduan ini menerangkan tentang peraturan, syarat dan prosedur bagi mendapatkan pengesahan dokumen akademik dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Dengan pemakaian garis panduan ini, maklumat berkaitan proses yang terlibat dapat disampaikan kepada orang ramai dengan lebih telus dan terperinci. Pemakaian garis panduan ini telah melancarkan proses pengesahan dokumen akademik pada keseluruhannya dan secara langsung menambahbaik penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Buat masa ini, pihak Kementerian telah menjalankan perkhidmatan pengesahan sijil akademik atau transkrip pengajian bagi pelajar yang telah mengikuti pelbagai peringkat pengajian iaitu diploma, ijazah sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah daripada institusi pendidikan tinggi (IPT) di dalam negara.

Sekian, terima kasih

RJM 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah surau dan masjid yang didaftarkan dan tidak didaftarkan di seluruh dan nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan lagi kemudahan dan prasarana bagi surau-sarau dan masjid-masjid ini termasuk menggunakan surau dan masjid bagi meningkatkan keimanan dan ketaqwaan umat Islam serta meningkatkan kefahaman terhadap Islam.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Di bawah Enakmen Pentadbiran Islam Negeri-negeri penubuhan masjid di seluruh negara adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri. Enakmen berkenaan juga telah memperuntukkan bahawa tiada sesiapa dibenarkan mendirikan masjid tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam negeri-negeri. Dengan kata lain, semua masjid dan surau di negeri-negeri adalah berdaftar sepenuhnya.

Bagi memantapkan sistem maklumat berkenaan masjid, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewujudkan Sistem Maklumat Imam dan Masjid (SISMIM) yang mengumpulkan data imam,

masjid dan surau yang berdaftar seluruh Malaysia. Setakat ini , terdapat sebanyak 6,462 buah masjid dan 16,183 buah surau yang mana 724 buah daripadanya adalah merupakan surau jumaat.

Dalam usaha meningkatkan kemudahan dan prasarana masjid serta surau, Kerajaan juga telah memberi peruntukan pembangunan sebanyak RM625,794,804.54 seperti di lampiran A. Selain itu, kerajaan melalui JAKIM telah menyediakan standard penarafan masjid sebagai garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pihak negeri untuk meningkatkan fungsi masjid dan surau seluruh negara. Melalui penentuan “*star rating*” berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dalam standard ini, Kerajaan yakin ianya dapat meningkatkan persaingan dalam aspek pengurusan masjid dan mendorong pihak kerajaan negeri untuk menyediakan masjid yang berkualiti dari segi fungsinya dan mesra pelanggan.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi pengimaran masjid seluruh Malaysia, Kerajaan telah melantik seramai 3,741 orang guru takmir bagi menyampaikan pengajaran ilmu agama berteraskan pegangan ahli sunnah wal jamaah di masjid seluruh negara selain program keilmuan yang dianjurkan sendiri oleh pihak masjid. Bagi Tahun 2018, sebanyak RM29,385,650.00 telah disalurkan ke negeri-negeri bagi pembayaran elaun guru takmir. Di samping itu juga, sehingga Februari 2019, Kerajaan melalui JAKIM turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM9,982,400.00 sebulan bagi tujuan membayar imbuhan kepada seramai 11,744 orang imam seluruh negara yang dilantik oleh pihak berkuasa negeri masing-masing.

Dalam usaha meningkatkan peranan masjid selaras dengan gagasan Rahmatan lil alamin , kerajaan telah memperkenalkan program RAHMAH yang akan dilancarkan ke seluruh negara berkonsepkan masjid R.A.H.M.A.H , iaitu “R” masjid ramah, “A” aman, “H” Harmoni, “ M” Mesra, “alami (go green) dan “ H” Hormat. Kesemua elemen-elemen tersebut diterapkan dalam konsep masjid RAHMAH untuk menjadikan masjid zon aman harmoni bukannya menyemarakkan kebencian dan perpecahan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID [KUALA KRAU]

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 42

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengagihan peruntukan untuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, SJK (C), SJK (T) dan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran Peruntukan Pengoperasian Mengurus B.63 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi sekolah rendah dan sekolah menengah pada tahun 2019 adalah berjumlah **RM32.8 bilion**, melibatkan **RM17.6 bilion** bagi sekolah rendah dan **RM15.2 bilion** bagi sekolah menengah.

Pecahan anggaran peruntukan tersebut bagi sekolah rendah adalah seperti berikut, Sekolah Kerajaan (RM14 bilion); Sekolah Bantuan Kerajaan (3.6 bilion); dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (43 juta). Manakala pecahan anggaran peruntukan bagi sekolah menengah pula adalah seperti berikut, Sekolah Menengah (12.6 bilion); Sekolah Bantuan Kerajaan Menengah (2.1 bilion); dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah (470 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain peruntukan tersebut Kerajaan semasa sesi pembentangan Belanjawan 2019 telah mengumumkan sejumlah peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan Sekolah-sekolah kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan

Kerajaan sebagai tanda keprihatinan dan komitmen Kerajaan untuk membaik pulih sekolah-sekolah seluruh negara.

Bagi Sekolah Kerajaan yang meliputi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sejumlah RM250juta telah diperuntukkan di bawah tabung penyelenggaraan ini. Selain itu juga, sebanyak RM50juta telah diperuntukkan kepada Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

Manakala bagi Sekolah Bantuan Kerajaan, agihan di bawah tabung penyelenggaraan adalah seperti berikut, SJKC (RM50juta); SJKT (RM50juta); Sekolah Mubaligh (RM50juta); Sekolah Agama Bantuan Rakyat (RM50juta); dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan atau *Conforming School* (RM15juta).

Sekian, terima kasih

RJM 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 43

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan/atau tindakan yang akan diambil untuk mewujudkan dan perlantikan jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah di IPD Kampar agar ketiadaan jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah ini yang telah berlarutan selama lebih daripada 15 tahun dapat diatasi dengan kadar segera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ibu Pejabat Polis Daerah Kampar adalah berstatus IPD kategori B dan jawatan Ketua Polis Daerah adalah bertaraf Superintendent (Supt). PDRM sedia maklum akan ketiadaan perjawatan Timbalan Ketua Polis Daerah khususnya di Ibu Pejabat Polis Daerah Kampar, Perak. Buat masa ini, fungsi dan tanggungjawab bagi jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah adalah dipertanggungjawabkan kepada Ketua Bahagian Pengurusan dalam membantu Ketua Polis Daerah menjalankan pengoperasian serta dibantu oleh 9 Ketua Bahagian yang wujud di Daerah tersebut.

Secara dasarnya, PDRM dalam tindakan menyediakan kajian khusus untuk mewujudkan dan menaik taraf jawatan kritikal bertaraf "*command post*" melalui kaedah *trade off* secara keseluruhan berdasarkan kepada kewajaran dan keutamaan, di mana isu ketiadaan perjawatan Timbalan Ketua Polis Daerah IPD Kampar adalah dalam senarai kajian yang dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 28 MAC 2019 | KHAMIS

SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama syarikat-syarikat, tanah-tanah dan saham-saham milik Tabung Haji yang dipindah milik kepada Kementerian Kewangan. Nyatakan nilainya satu persatu.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhan, aset-aset yang telah dipindahkan terdiri daripada 29 harta tanah, 1 syarikat tidak tersenarai dan 106 sekuriti ekuiti domestik.

Semua aset-aset tersebut telah dipindahkan kepada SPV milik penuh Kerajaan pada nilai perpindahan RM19.9 bilion.

Nilai perpindahan ini adalah lebih tinggi berbanding nilai semasa/nilai buku yang berjumlah sekitar RM10 bilion. Ini ditetapkan bertujuan membolehkan Kerajaan membantu Lembaga Tabung Haji (**TH**) menutup jurang defisit di antara aset dan liabiliti serta mengimbangi rosot nilai yang perlu direkodkan bagi tahun 2018.

Berdasarkan nilai keseluruhan pada RM19.9 bilion, nilai perpindahan bagi setiap aset ditentukan berdasarkan jenis aset.

NO. SOALAN : 44

- Bagi harta tanah dan syarikat tidak tersenarai, premium ke atas nilai buku asal, manakala
- Bagi sekuriti ekuiti domestik, nilai buku asal atau kos asal pelaburan **TH** digunakan.

Senarai setiap aset serta nilai perpindahan adalah seperti berikut:-

Harta Tanah				
Bil	Butir-butir	Jenis	Nilai Buku (RM)	Nilai Perpindahan (RM)
1	TRX, KL	Tanah	196,006,930	400,000,000
2	Jalan Hill, NS	Tanah	5,900,000	8,966,423
3	Klebang, Melaka	Tanah	48,000,000	72,947,169
4	Precint 4, Putrajaya	Tanah	91,580,000	139,177,120
5	Segamat, Johor	Tanah	39,996	60,783
6	THHC Kuching Hotel	Tanah	3,800,000	5,774,984
7	Kuala Lipis, Pahang	Tanah	2,718	80,000
8	THHC Kuching Hotel	Hotel	203,885,560	309,851,550
9	TH Hotel Terengganu	Hotel	88,000,000	133,736,477
10	TH Hotel Alor Setar	Hotel & Pejabat	105,693,423	160,625,749
11	TH Hotel Kota Kinabalu	Hotel	72,500,000	110,180,620
12	TH Hotel Bayan Lepas	Hotel	59,000,000	89,664,229
13	Platinum Park	Bangunan Komersial	485,810,740	737,399,698
14	Batu Pahat, Johor	Bangunan Komersial	330,000	501,512
15	Pekan, Pahang	Bangunan Komersial	1,990,000	3,024,268
16	Greenhall, Penang	Bangunan Komersial	3,200,000	4,863,145
17	Kota Bharu, Kelantan	Bangunan Komersial	10,500,000	15,957,193
18	Raub, Pahang	Bangunan Komersial	1,375,000	2,089,632

NO. SOALAN : 44

Bil	Butir-butir	Jenis	Nilai Buku (RM)	Nilai Perpindahan (RM)
19	Simpang Kuala, Kedah	Bangunan Komersial	4,600,000	6,990,770
20	Kulim, Kedah	Bangunan Komersial	700,000	1,063,813
21	Sg. Petani, Kedah	Bangunan Komersial	655,000	995,425
22	Kuala Perlis, Perlis	Bangunan Komersial	264,990	550,000
23	Bandar Tasik Selatan, KL	Bangunan Komersial	1,080,000	1,800,000
24	Jalan Tampin-Seremban, NS	Bangunan Komersial	850,000	1,291,773
25	Johor Bahru, Johor	Bangunan Komersial	1,850,000	3,000,000
26	Kuala Krai, Kelantan	Bangunan Komersial	312,489	650,000
27	Gua Musang, Kelantan	Bangunan Komersial	650,000	987,826
28	Sandakan, Sabah	Bangunan Komersial	1,668,979	2,536,402
29	Hicom-Glenmarie	Bangunan Kilang	21,000,000	31,914,386
Jumlah			1,410,651,797	2,246,680,947

Syarikat Tidak Tersenarai				
Bil	Butir-butir	Jenis	Nilai Buku (RM)	Nilai Perpindahan (RM)
1	TH Estates (Holdings) Sdn Bhd	Saham Biasa	713,707,632	796,468,248
		RCPS	4,614,870	5,307,101
Jumlah			718,322,502	801,775,349
Sekuriti Ekuiti Domestik				
Bil	Butir-butir	Jumlah Pegangan Saham	Nilai Pasaran Semasa 31-Dis-2018 (RM)	Nilai Perpindahan / Kos Asal Pelaburan (RM)
1	Adventa Berhad	14,335,900	6,236,117	38,787,042
2	Ahmad Zaki Resources Berhad	21,766,700	6,638,844	21,776,831
3	Alam Maritim Resources Berhad	91,965,700	7,357,256	111,224,108
4	Amway (Malaysia) Holdings Berhad	204,000	1,224,000	2,033,468
5	Ann Joo Resources Berhad	19,102,000	23,877,500	62,839,211
6	APB Resources Berhad	8,850,300	7,168,743	13,662,764
7	Axiata Group Berhad	237,100,065	931,803,255	1,422,605,154
8	AZRB-WA	14,433,400	1,443,340	2,598,012
9	Bintulu Port Holdings Berhad	17,000,000	76,500,000	111,872,988
10	Bonia Corporation Berhad	18,749,300	4,124,846	17,755,445
11	Boustead Heavy Industries Corporation	18,646,300	24,426,653	46,600,438
12	Boustead Plantations Berhad	75,389,100	56,541,825	88,988,604
13	Brahims Holdings Berhad	45,553,450	12,754,966	83,605,981
14	Bumi Armada Berhad (NS)	51,962,800	8,054,234	115,248,112
15	CSC Steel Holdings	27,281,800	27,827,436	54,227,910

NO. SOALAN : 44

	Berhad			
16	Datasonic Group Berhad	124,153,400	50,282,127	159,153,898
17	Dayang Enterprise Holdings Berhad	76,367,600	41,238,504	202,233,786
18	Destini Berhad	53,354,000	10,937,570	31,606,717
19	DIGI.COM Berhad	112,332,500	500,328,955	576,240,738
20	DSONIC-WA	62,076,700	4,655,753	7,449,204
21	Eastern & Oriental Berhad	94,248,000	105,557,760	182,022,281
22	Econpile Holdings Berhad	27,169,650	10,460,315	31,146,480
23	Ekovest Berhad	33,558,000	14,933,310	32,377,194
24	Enra Group Berhad	5,000,000	8,100,000	14,508,945
25	Eversendai Corporation Berhad (NS)	40,285,600	26,991,352	66,484,163
26	Fajarbaru Builder Group Berhad	5,908,600	1,861,209	5,574,700
27	Felda Global Ventures Holdings Berhad	283,710,100	202,852,722	1,310,020,819
28	Gadang Holdings Berhad	33,829,500	17,253,045	39,107,656
29	Gamuda Berhad	90,495,000	206,238,105	452,527,684
30	Gamuda-WE	139,124,600	20,868,690	69,562,300
31	Globetronics Technology Berhad	9,000,000	15,750,000	24,524,988
32	Glomac Berhad	80,060,310	31,223,521	71,822,502
33	Hap Seng Plantations Berhad	66,074,500	108,362,180	173,843,559
34	Hiap Teck Venture Berhad	22,587,200	5,082,120	10,503,219
35	Hiaptek-LA RCUIDS	20,005,360	5,501,474	9,900,453
36	Icon Offshore Berhad	103,611,268	7,252,789	139,003,037
37	IJM Corporation Berhad	227,307,500	368,238,150	773,964,985
38	Ikhmas Jaya Group Berhad	24,261,700	2,426,170	17,046,476

NO. SOALAN : 44

39	Integrated Logistic Berhad (NS)	20,584,783	9,571,924	34,646,882
40	Kimlun Corporation Berhad	12,112,500	13,081,500	27,114,696
41	KSL Holdings Berhad	71,800,000	50,978,000	87,486,251
42	Lafarge Malaysia Berhad	13,450,100	24,344,681	83,867,207
43	Land & General (NS)	126,094,540	17,022,763	34,717,030
44	Lingkaran Trans Kota Hldgs	16,754,100	69,529,515	96,410,256
45	Lion Industries Corporation Berhad	44,026,800	22,013,400	71,991,567
46	Lotte Chemical Titan Holdings Berhad	57,672,100	266,445,102	365,226,962
47	Mah Sing Group Berhad	139,994,900	128,095,334	227,172,077
48	Malakoff Corporation Berhad	500,000,000	400,000,000	901,983,652
49	Malaysia Marine & Heavy Engineering	105,619,000	57,562,355	443,875,189
50	Maxis Berhad	128,503,600	681,197,584	879,395,994
51	MCT Berhad	133,480,000	99,442,600	170,854,400
52	Melati Ehsan Holdings Berhad	8,612,900	4,521,773	12,467,867
53	Minda Global Berhad	55,040,000	3,027,200	11,007,245
54	MISC Berhad	65,511,300	438,925,710	486,532,216
55	Mitrajaya Holdings Berhad	17,506,710	4,901,879	15,801,475
56	MK Land Holdings Berhad	31,526,500	5,674,770	12,371,696
57	MMC Corporation Berhad	233,819,700	194,070,351	583,463,246
58	MRCB-WB	69,935,500	14,336,778	18,882,585
59	MSM Malaysia Holdings Berhad	35,000,000	91,000,000	174,136,984

NO. SOALAN : 44

60	Mudajaya Group Berhad	53,865,500	15,620,995	154,947,016
61	MY E.G. Services Berhad	11,761,300	11,467,268	18,560,631
62	NAIM Holdings Berhad	24,827,200	11,048,104	78,271,318
63	Notion Vtec Berhad	17,334,003	10,487,072	23,445,366
64	Parkson Holdings Berhad	105,908,219	25,947,514	331,645,737
65	Pelikan International Corporation Berhad	157,185,498	54,228,997	329,489,901
66	Petra Energy Berhad	31,707,012	12,841,340	64,699,164
67	Pharmaniaga Berhad	11,586,700	32,211,026	63,085,694
68	Pintaras Jaya Berhad	11,352,100	25,315,183	41,766,827
69	POS Malaysia Berhad	7,218,400	12,415,648	35,037,539
70	Progressive Impact Corporation Berhad	65,000,000	7,800,000	25,221,300
71	Puncak Niaga Holdings Berhad	44,073,600	15,425,760	139,266,369
72	Reach Energy Berhad	106,480,800	31,411,836	72,552,289
73	REACH-WA	38,307,200	2,681,504	4,405,328
74	Rimbunan Sawit Berhad	2,210,400	342,612	696,557
75	SP Setia Berhad	71,799,700	167,293,301	228,693,146
76	Sapura Energy Berhad	120,428,700	34,924,323	212,660,769
77	Sarawak Plantation Berhad	18,791,400	31,945,380	59,177,390
78	Scomi Energy Services Berhad	108,317,600	4,332,704	87,123,728
79	Sime Darby Plantation Berhad	59,363,900	282,572,164	327,131,323
80	SKP Resources Bhd	19,986,500	20,985,825	30,818,738
81	Star Media Group Berhad	39,806,300	27,267,316	125,679,749
82	Suria Capital Holdings Berhad	26,800,000	44,220,000	64,518,915

NO. SOALAN : 44

83	Symphony Life Berhad	22,609,000	7,460,970	18,961,545
84	Telekom Malaysia Berhad	40,470,000	107,650,200	241,202,959
85	TH Heavy Engineering Berhad	334,162,107	10,024,863	380,349,719
86	TH Heavy Engineering Berhad (ICPS)	1,097,228,735	16,458,431	315,453,262
87	Titijaya Land Berhad	34,512,000	10,353,600	31,116,319
88	Titijaya Land Berhad (ICPS)	4,000,000	140,000	330,000
89	TRC Synergy Berhad	34,834,952	18,810,874	28,042,859
90	TSH Resources Berhad	61,350,200	60,736,698	131,156,638
91	TSR Capital Berhad	16,926,500	5,924,275	22,613,657
92	UEM Edgenta Berhad	48,313,300	131,412,176	156,929,286
93	UEM Sunrise Berhad	348,871,500	231,999,548	624,513,480
94	UMW Hldgs	22,760,300	124,498,841	148,352,797
95	UZMA Berhad	26,263,200	15,101,340	66,694,838
96	Velesto Energy Berhad	410,247,380	73,844,528	289,075,730
97	Velesto-WA	69,066,620	4,489,330	8,287,994
98	Wah Seong Corporation Berhad	15,733,700	9,990,900	25,934,641
99	WCT Holdings Berhad	118,655,900	80,092,733	240,692,475
100	White Horse Berhad	22,468,700	34,377,111	47,380,871
101	WTK Holdings Berhad	8,949,700	3,848,371	28,356,507
102	WZ Satu Berhad	43,498,672	8,264,748	33,214,351
103	Yi-Lai Berhad	16,480,000	9,228,800	23,677,758
104	YLI Holdings Berhad	9,312,300	1,909,022	30,575,371
105	YTL Power International (NS)	49,017,630	40,684,633	68,484,649
106	Zhulian Corporation Berhad	17,948,700	22,130,747	37,393,875
Jumlah			7,470,336,659	16,851,543,704

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kebaikan yang bakal diperoleh untuk pelaksanaan *ASEAN Single Aviation Market*, kesiapsiagaan Malaysia serta cabaran yang bakal dihadapi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, *ASEAN Single Aviation Market* adalah merupakan satu aturan yang membolehkan syarikat penerbangan negara-negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan tanpa had kapasiti, kekerapan ataupun jenis pesawat di antara mana-mana destinasi di negara-negara ASEAN. Melalui aturan ini, syarikat-syarikat penerbangan diberikan kebebasan untuk merancang dan menentukan jaringan penerbangan. Ianya akan memberi manfaat kepada pengguna terutamanya dalam memberi pilihan terhadap perkhidmatan penerbangan yang bersesuaian dengan harga yang lebih kompetitif.
2. Pelaksanaan *ASEAN Single Aviation Market* dilihat bakal membantu syarikat-syarikat penerbangan negara seperti berikut:
 - i. pewujudan hak trafik yang liberal akan memberikan fleksibiliti kepada syarikat-syarikat penerbangan Malaysia untuk merancang serta meluaskan jaringan penerbangan mereka ke negara-negara ASEAN terutamanya di negara-negara yang mana hak trafik di peringkat dua hala adalah terhad;
 - ii. Membolehkan syarikat penerbangan meningkatkan kekerapan penerbangan dan menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan yang baru; dan
 - iii. Membolehkan syarikat penerbangan menentukan harga tambang mengikut pasaran semasa tanpa perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Penerbangan.
3. Bagi meyiapsiagakan industri penerbangan negara di bawah *ASEAN Single Aviation Market*, Kerajaan antara lain telah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan. Selain itu, MAVCOM juga bertanggungjawab memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna termasuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan;
 - ii. Kerajaan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) sedang menaiktaraf Perkhidmatan Trafik Udara di Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) untuk memperkukuhkan operasi Perkhidmatan Trafik Udara bagi menampung peningkatan pergerakan pesawat disamping mempertingkatkan tahap keselamatan dan kelancaran operasi penerbangan pesawat; dan
 - iii. Menaiktaraf infrastruktur lapangan-lapangan terbang di Malaysia seperti pemanjangan landasan dan perluasan terminal bagi menampung pertambahan kapasiti dari negara-negara ASEAN.
4. Namun begitu, *ASEAN Single Aviation Market* ini turut memberi kesan dan cabaran kepada syarikat-syarikat penerbangan negara terutamanya dalam hal-hal seperti berikut:
- i. Iambakan kapasiti penerbangan melebihi permintaan akan menjejaskan prestasi kewangan syarikat penerbangan negara;

NO. SOALAN : 45

- ii. persaingan dalam menetapkan harga tambang yang kompetitif akan mengurangi *yield* atau keuntungan syarikat penerbangan; dan
- iii. pewujudan persaingan sengit antara syarikat-syarikat penerbangan ASEAN yang mana syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai prestasi yang kukuh mampu memonopoli pasaran manakala syarikat-syarikat penerbangan yang kecil akan merasai impak persaingan yang boleh menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan tersebut mengalami kemerosotan prestasi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
(LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kebaikan dan keburukan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) serta langkah-langkah yang akan diambil Kerajaan untuk menjamin hak, kepentingan dan kedaulatan Malaysia terpelihara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) pada 8 Mac 2018 bersama 10 lagi negara anggota asal Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Perjanjian CPTPP telah berkuatkuasa mulai 30 Disember 2018, di mana sehingga kini, tujuh negara anggota telah mengemukakan instrumen ratifikasi dalam melaksanakan perjanjian CPTPP iaitu negara Jepun, Mexico, Singapura, New Zealand, Kanada, Australia dan Viet Nam.

2. Bagi Malaysia dan negara lain yang telah menandatangani CPTPP tetapi masih belum meratifikasi perjanjian ini, ia tidak akan berkuat kuasa bagi negara tersebut. Segala manfaat dan obligasi pelaksanaan CPTPP tidak akan terlaksana bagi negara tersebut sehingga proses ratifikasi selesai.

Tuan Yang Dipertua,

3. Sebagai sebuah negara perdagangan yang kecil, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) adalah penting bagi Malaysia, dan pada masa kini kira-kira 65% daripada jumlah perdagangan tahunan Malaysia adalah dengan Negara yang telah memeterai perjanjian FTA dengan Malaysia sama ada melalui FTA dua hala atau serantau. Sehingga kini, Malaysia telah melaksanakan enam (6) FTA serantau dan tujuh (7) FTA dua hala di mana FTA tersebut telah memberikan manfaat kepada negara-negara membangun seperti Malaysia, terutamanya dalam mengintegrasikan syarikat-syarikat Malaysia ke rangkaian bekalan global dan memudahkan eksport Malaysia.

4. Antara faedah dan manfaat yang bakal diterima melalui pelaksanaan CPTPP merupakan akses pasaran ke pasaran baharu seperti Kanada, Peru dan Mexico, memperkukuhkan kerjasama ekonomi di antara negara anggota serta mempromosikan penggunaan piawaian antarabangsa. Melalui Perjanjian CPTPP, eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia bakal mendapat layanan yang lebih baik di kalangan negara anggota CPTPP. Selain itu, perjanjian yang komprehensif ini juga menggalakkan peningkatan tabir urus yang akan mengurangkan *cost of doing business* (dengan izin).

5. Berhubung dengan implikasi menyertai Perjanjian CPTPP, barangan dan perkhidmatan negara-negara anggota CPTPP bebas untuk memasuki pasaran masing-masing dan pengusaha tempatan termasuk di Malaysia perlu bersaing untuk mengekalkan pegangan pasaran. Selain itu, negara anggota juga tertakluk kepada piawaian antarabangsa yang dipersetujui dalam terma perjanjian. Sebarang pelanggaran piawaian tersebut serta terma perjanjian perlu diselesaikan melalui mekanisme penyelesaian pertikaian yang telah dipersetujui dan termaktub dalam perjanjian tersebut.

6. Perjanjian CPTPP juga meliputi perkara-perkara yang berhubungkait dengan isu-isu sensitif seperti hak harta intelek, perolehan kerajaan serta pelaburan. Kerajaan pada hari ini perlu memastikan bahawa perjanjian ini tidak memberi kesan negatif kepada negara, khususnya dalam memastikan Kerajaan mempunyai ruang dasar yang mencukupi untuk merancang serta melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan untuk memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran. Ini adalah kerana sebarang perundangan, peraturan, dasar dan amalan di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang bercanggah dengan Perjanjian CPTPP boleh mengundang kepada tindakan perundangan oleh negara-negara anggota CPTPP serta pelabur terhadap Kerajaan Malaysia.

7. Justeru, Kerajaan masih memerlukan masa untuk meneliti Perjanjian ini untuk memastikan sebarang keputusan yang diambil mengenai CPTPP adalah tepat dan akan memberi kebaikan kepada Malaysia secara keseluruhannya.

8. Kerajaan akan memastikan setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil, serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 47

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan memberikan data bagi tahun 2017 dan 2018 mengenai gejala dadah termasuklah pil kuda di kalangan pelajar sekolah di Kelantan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Jeli dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri amat memandang serius gejala penyalahgunaan dadah dan sentiasa komited untuk membendung gejala penagihan dadah dalam negara.

Di negeri Kelantan, jumlah golongan remaja berumur 13 sehingga 18 tahun yang dikesan terlibat dengan penagihan dadah adalah seramai 108 orang pada tahun 2017 dan 113 orang pada tahun 2018. Jenis dadah yang sering disalahgunakan ialah methamphetamine atau dikenali sebagai syabu, *ice* dan batu.

Jumlah pelajar sekolah yang ditangkap atas kesalahan mengguna dan memiliki dadah pula adalah seramai 84 orang dan meningkat ke 144 orang pada tahun 2018. Bagi membendung masalah ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i) mempertingkatkan operasi di kawasan *hot spot* dan juga daerah-daerah yang dikenal pasti jumlah penagihan pil kuda yang tinggi melalui ops sarang;
- ii) penguatkuasaan di sempadan negara dengan berkerjasama dengan agensi penguatkuasaan di kawasan sempadan bagi mengekang penyeludupan dadah termasuklah pil kuda; dan
- iii) menempatkan pegawai perhubungan sekolah di setiap sekolah bagi memantau para pelajar agar tidak terlibat dengan masalah jenayah termasuklah pengedaran dan penyalahgunaan dadah.

Selain tindakan penguatkuasaan ini, program-program pendidikan pencegahan juga dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi golongan pelajar sekolah dan remaja seperti berikut:

- i) Kem Pintar iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah yang berumur 10 hingga 12 tahun. Di Kelantan, sebanyak 9 buah Kem Pintar telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 450 orang pelajar;
- ii) Kem SHIELDS (Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah menengah berumur 13 – 17 tahun. Di Kelantan, sebanyak 16 buah Kem SHIELDS telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 640 orang pelajar; dan
- iii) Kem SMART (Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab) iaitu program intervensi dan pendidikan pencegahan dadah untuk remaja di dalam komuniti yang tidak bersekolah, iaitu berumur 15 - 19 tahun dan remaja berisiko selepas fasa persekolahan, iaitu berumur 18-19 tahun. Di Kelantan, sebanyak 16 buah Kem SMART telah dilaksanakan yang melibatkan seramai 640 orang peserta.

Dengan adanya tindakan berterusan melalui strategi penguatkuasaan dan pendidikan pencegahan oleh PDRM dan AADK ini, masalah dadah di negara kita terus terkawal dan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 48

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil daripada lawatan kerja Ketua
Polis Negara ke Turki, terutamanya dalam hal pencegahan aktiviti judi
haram yang berleluasa pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb
hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara
bersama 12 orang lagi Pegawai Kanan Polis adalah lawatan rasmi yang
telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia
(LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan
mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di
bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai
hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk
menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam
menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan

sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:-

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1- 6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00; dan
- iv) Pada 16 Mac 2017- Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang di perolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut:-

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasan, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara "*on course*" atau "*off Course*" di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembenterasan pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 49

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai perbelanjaan peruntukan penyelenggaraan sebanyak 50 juta setahun bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sejak 5 tahun yang lalu iaitu dari tahun 2014 hingga 2018. Adakah wang peruntukan itu telah digunakan sepenuhnya untuk membantu sekolah-sekolah Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti yang lengkap kepada semua sekolah tanpa mengira aliran bagi menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif kepada semua murid termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Tabung Penyelenggaraan mula diagihkan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) bermula pada tahun 2015. Jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada SJKT Bantuan Kerajaan dari tahun 2015 sehingga tahun 2018 adalah seperti perincian berikut, 2015 (RM50juta); 2016 (RM16.5juta); 2017 (RM50juta); dan 2018 (RM50 juta). Penyaluran wang peruntukan Tabung Penyelenggaraan telah, sedang dan akan terus disalurkan bagi membaik pulih sekolah-sekolah yang terlibat.

Sekian, terima kasih. RJM 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

RUJUKAN : L11 [PR-1421-L03474]

SOALAN NO. 50

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah pendekatan yang harus Kerajaan ambil untuk menangani isu kesesakan dijalan utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan jalan raya sebegini kerana dalam masa kita menyokong kepada pembangunan masa hadapan, kita juga harus memastikan keselesaan dan ketenteraman awam terjamin. Oleh yang sedemikian, apakah cara untuk menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan badan pengurusan MRT mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan? Berapa kerap agensi Kerajaan yang dilantik menyemak dan mengenal pasti keselamatan pengguna jalan raya dan apakah tindakan yang telah diambil kepada pihak yang membina MRT tersebut pada kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan.

SOALAN NO. 50

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Batu, DBKL telah memperketatkan kawalan bukan saja keatas pembinaan "*Mass Rail Transit*" tetapi juga kawalan keatas semua projek-projek mega antara lain termasuk projek pembinaan Lebuhraya Setiawangsa-Pantai, Tun Razak Exchange, Menara 118 KL, Projek Pembentungan *River of Life* (ROL) dan lain-lain projek mega oleh pihak kerajaan atau pun swasta yang lain di Kuala Lumpur.

Antara pendekatan yang diambil termasuk memastikan penutupan dilaksanakan mematuhi sepenuhnya Pelan Pengurusan Lalulintas yang disediakan oleh Perunding Lalulintas yang bertauliah disamping penyediaan lencongan jalan mengikut amalan kejuruteraan yang bermutu tinggi, menepati kapasiti asal sebelum penutupan serta lain-lain garisan panduan yang ditetapkan.

DBKL juga mempertingkatkan pemantauan dariu masa kesemasa, mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas keatas semua aktiviti pembinaan termasuk menyenaraihitamkan perunding dan kontraktor yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Disamping itu juga DBKL juga telah melantik Perunding Bebas untuk memantau, menilai kualiti kerja, pematuhan syarat pembinaan dan mengesyorkan kepada pihak berkuasa status perlaksanaan kerja oleh pihak pemaju yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 51

Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kerajaan bersedia untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan perbankan sepenuhnya di daerah Pitas terutamanya bagi bank-bank berkaitan kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional bagi memenuhi kehendak dan keperluan rakyat di daerah Pitas yang telah lama diiktiraf sebagai sebuah daerah penuh namun sehingga kini belum jua memiliki perkhidmatan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembukaan atau penutupan sesebuah cawangan bank merupakan keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan perniagaan institusi kewangan tersebut. Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan atau penutupan cawangan, antara lain ialah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran yang kondusif, keperluan terhadap perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat serta anggaran atau penggunaan sebenar perkhidmatan kewangan oleh penduduk. Pembukaan cawangan mungkin boleh dipertimbangkan sekiranya faktor-faktor ini dapat dipenuhi.
2. Walau bagaimanapun, akses kepada perkhidmatan perbankan tidak terhad kepada penubuhan cawangan bank sahaja. Pada masa ini, terdapat lima (5) ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan dua (2) ejen Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah Pitas, Sabah. Melalui ejen bank ini, penduduk daerah Pitas boleh mendapatkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil dan pembukaan akaun (di ejen BSN sahaja). Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) juga telah menambah baik perkhidmatan mesin ATM di Hospital Daerah Pitas dengan meningkatkan kekerapan penghantaran wang tunai untuk mesin ATM tersebut bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 52

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menjelaskan perancangan dan tindakan segera yang diambil untuk tangani isu-isu penyelarasan dan pertindihan pelaksanaan program-program kebajikan masyarakat yang dilaporkan berjumlah 110 program dan diuruskan oleh 20 Kementerian / Agensi berkaitan sepertimana disebut oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2018 bagi menjamin keberkesanan dan impak positif pelaksanaan program-program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan mengambil maklum perihal pertindihan pelaksanaan program-program kebajikan masyarakat bagi meningkatkan usaha ke arah peningkatan kesejahteraan hidup rakyat. Polisi sedia ada Kerajaan selepas merdeka sehingga tahun 2010 adalah berorientasikan kebajikan sosial atau membasmi kemiskinan. Oleh itu, berlakulah pertindihan dalam pelaksanaan program seperti yang dilaporkan. Namun, kini, Kerajaan telah mula cenderung ke arah memperkukuh perlindungan sosial.

Justeru, terdapat dua (2) tindakan awal yang telah diambil berkaitan perkara ini. Pertama, Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Kabinet pada 28 Oktober 2016. MySPC diwujudkan untuk memperkukuhkan Sistem Perlindungan Sosial di Malaysia yang dibahagikan kepada tiga komponen utama seperti berikut:

- (i) Jaringan Keselamatan Sosial: bantuan kewangan dan bukan kewangan serta subsidi;
- (ii) Insurans Sosial: Skim Pencen dan Hilang Upaya; dan
- (iii) Intervensi Pasaran Buruh: Program Pasaran Buruh Aktif, Latihan Kemahiran dan Pembiayaan Mikro.

Bagi Kementerian ini, penglibatan dalam pengukuhan program perlindungan sosial hanyalah sebahagian kecil, iaitu hanya merangkumi bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), daripada keseluruhan jaringan keselamatan sosial yang meliputi bantuan kewangan dan bukan kewangan serta subsidi.

Kedua, inisiatif bagi menyatukan kepelbagaian program dan mewujudkan koordinasi berkaitan perlindungan sosial melalui cadangan suatu kerangka induk berkaitan perlindungan sosial. Inisiatif ini telah dimulakan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan kerjasama beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan, NGO dan individu berkepakaran untuk menyediakan suatu kerangka perlindungan sosial

yang dikenali sebagai *National Social Well Being Blueprint*. Objektif utama *blueprint* ini adalah untuk memperkukuhkan rangka kerja (*framework*) perlindungan sosial di Malaysia dengan mengelakkan pertindihan program dan memastikan setiap program perlindungan sosial memberikan impak yang maksimum. Beberapa siri perbincangan dan bengkel telah dijalankan bermula dari November 2018 dan akan diteruskan pada tahun ini.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) yang menjadi agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap penggubalan dasar dan perancangan pembangunan sosioekonomi negara melalui dapatan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (KSP RMKe-11), dalam Tonggak 2: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam, akan mengukuhkan perkhidmatan awam supaya lebih fleksibel, inovatif dan responsif untuk menghadapi cabaran semasa. Sehubungan itu, bagi memperkemaskan perkhidmatan sedia ada untuk memastikan pertindihan pelaksanaan program dapat dikurangkan, Kerajaan akan menambah baik pangkalan data bagi mengakses maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Penambahbaikan ini diharap akan meningkatkan mutu pelaksanaan program yang dijalankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 53

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab moratorium perlombongan bauksit diangkat, mengemukakan SOP bagi menjaga kesihatan penduduk dan juga alam sekitar apabila perlombongan bermula semula, lokasi pembuangan deposit bauksit, langkah penguatkuasaan undang-undang serta menjelaskan setakat manakah self-regulation oleh syarikat perlombongan boleh dipercayai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan industri mineral, telah mengambil kira pelbagai faktor dalam menggubal SOP aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit. Ini termasuklah kemampuan dan hala tuju industri mineral, kelestarian alam sekitar, keselamatan dan kesihatan awam, kesan limpahan ekonomi (*economic spill over*) dan lain-lain.

Penyelarasan fungsi dan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri turut diambil kira dalam menangani perkara ini. Kelulusan bagi sebarang pajakan melombong dan lesen melombong tuan punya adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN), manakala pihak kerajaan Persekutuan pula bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan mineral dilaksanakan secara mampan dan lestari melalui penambahbaikan peraturan, prosedur, garis panduan yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan dan pengeksporan bauksit. Pematuhan terhadap SOP ini oleh semua penggiat industri akan menjadikan industri perlombongan lebih teratur, berkesan dan memberikan penekanan terhadap kesejahteraan penduduk serta alam sekitar.

Secara asasnya, SOP baharu berkaitan aktiviti perlombongan bauksit telah menekankan prosedur-prosedur peringkat sebelum perlombongan

(*pre-mining*), semasa perlombongan (*during mining*) dan selepas perlombongan (*post-mining*). Keperluan kelulusan laporan EIA bagi setiap permohonan perlombongan adalah merupakan syarat utama yang akan diwajibkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 54

Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status, mekanisme pelaksanaan, dan syarat (jika ada) mengenai perkongsian 50 peratus hasil kutipan cukai pelancongan dengan Kerajaan Negeri sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Pelaksanaan kutipan cukai pelancongan dibuat kepada pengendali premis penginapan berdaftar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan tidak terhad kepada hotel sahaja. Kadar cukai yang dikenakan kepada pelancong asing adalah RM10 sebilik/malam.
2. Dalam ucapan Bajet Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaankerajaan Negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, menerima hasil tambahan yang secara agregat dianggarkan berjumlah RM68 juta.
3. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan pengagihan dan mekanisma penyaluran cukai pelancongan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Majlis Kewangan Negara Tahun 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 55

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah efektif Kementerian menangani masalah moral masyarakat terutama di Media Sosial pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak dinafikan wujudnya masalah moral dalam masyarakat terutama di media sosial pada hari ini. Usaha untuk membendung masalah ini bukanlah terletak kepada Kementerian semata-mata, tetapi ia memerlukan komitmen daripada semua pihak termasuk media, NGO dan pihak swasta. Namun begitu Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah dan akan terus melaksanakan program berbentuk pencegahan bagi membantu menangani masalah sosial.

i. Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial

Melalui program ini, yang dilaksanakan kepada golongan remaja, ibu bapa dan penduduk yang bertujuan mendidik dan memberikan kesedaran remaja dan mempunyai sikap yang positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Program ini telah dimulakan pada 2011 dan sehingga kini telah memberi manfaat kepada 290,048 peserta. LPPKN turut melaksanakan program KafeTEEN mulai tahun 2006 dan sehingga Disember 2018, seramai 563,108 golongan remaja telah mendapat manfaat daripada penganjuran program pendidikan dan pembangunan kemahiran di bawah KafeTEEN. Turut dibangunkan aplikasi mykafeTEEN yang bertujuan menyebarkan maklumat berkenaan kesihatan reproduktif di alam maya yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar mulai tahun 2019. Dengan pengetahuan dan sikap yang lebih positif, dijangkakan remaja dapat menangani pengaruh negatif daripada rakan sebaya, media dan persekitaran, seterusnya mengurangkan masalah moral dalam masyarakat.

ii. **Pelaksanaan Program Pendidikan Keibubapaan.**

Turut dilaksanakan adalah siri kursus pendidikan keibubapaan dan perkahwinan yang mencakupi pelbagai aspek sosial untuk memberi pengetahuan kepada ahli keluarga mengenai ilmu kekeluargaan. Sepanjang tahun 2006 hingga Disember 2018 sebanyak 15,965 program pendidikan keibubapaan yang memberi pengetahuan kepada 1,723,973 ahli keluarga.

iii. **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)**

Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) turut diperkenalkan pada tahun 2016 di mana ia merupakan salah satu usaha dan sokongan kepada Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 dan juga RUU Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa atau penjaga terhadap isu pengabaian, kecuaian, penderaan dan perlindungan kanak-kanak. Salah satu aktiviti yang dijalankan dalam modul PEKA adalah panduan keselamatan melayari Internet yang menekankan penggunaan Internet secara berhemah dan selamat.

iv. **Program Promosi Pengukuhan Nilai Teras Keluarga.**

Sempena program pengukuhan nilai seperti Bulan Keluarga Kebangsaan, Hari Ibu Bapa dan Bulan Kaunseling, LPPKN mengadakan aktiviti perkongsian ilmu dan tip kekeluargaan kepada orang ramai. Dalam aspek ini pihak NGO dan swasta amat disarankan untuk bersama-sama mempromosikan kempen pengukuhan nilai pada komuniti masing-masing. LPPKN turut aktif berkongsi poster-poster pengukuhan nilai secara maya sepanjang masa khususnya bersempena dengan sambutan program-program tertentu yang melibatkan remaja.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi mendidik masyarakat mengenai

SOALAN NO. 55

penggunaan Internet dan media sosial secara bijaksana. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh SKMM adalah seperti berikut:

- (i) Program Jangkauan dan Kesedaran Mengenai Penggunaan Internet dan Media Sosial Sepanjang tahun 2018;
- (ii) Program Kesedaran dan Pendidikan Keselamatan Internet;
- (iii) Pusat Internet Malaysia (PIM) yang menawarkan latihan ICT, keusahawanan dan multimedia secara percuma; dan
- (iv) Kajian Ketagihan Internet.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]
TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan dan langkah penguatkuasaan larangan merokok di restoran dan premis makanan, dan jumlah kompaun yang dikutip setakat ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik **membunuh separuh daripada penggunaanya**. Oleh itu penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen ini semenjak 2005.

Pada 23hb September 2004, Pewartaan Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) telah mula berkuatkuasa. Manakala, kawasan larangan merokok diperluas ke semua tempat makan dikuatkuasa mulai 1hb Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018.

Peraturan ini bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok kawasan tumpuan orang awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” (dengan izin), dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga bulan Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sebagai permulaan kepada pindaan pewartaan ini, semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, makluman secara individu serta makluman di media massa dan media sosial. Selain daripada edaran risalah dan makluman individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan akan diberikan amaran secara bertulis.

Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan tanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga kini sebanyak 22,047 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 20,351 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 1696 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Mulai Julai 2019, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan oleh 5008 pegawai kesihatan persekitaran di seluruh negara.

Yang di-Pertua,

Sokongan serta maklumbalas positif akan perlaksanaan ini dapat dilihat di mana seramai 151,000 rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen untuk terus komited menyokong pelaksanaan ini manakala lebih 30 badan-badan professional kesihatan dan badan-badan bukan Kerajaan akan terus membantu menyokong pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan larangan ini. KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 57

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan analisa 'cost-benefit' Kementerian mengenai keupayaan hospital awam memberi rawatan kepada pesakit MySalam dan PEKA50, berbanding kesudian Kerajaan meningkatkan bajet kesihatan kepada 7 peratus daripada GDP seperti dicadangkan oleh WHO.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah saya umumkan pada 28 Januari 2019 semasa Majlis Pelancaran Media bagi PeKa B40, di mana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40 pada April 2019, objektif utama Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 adalah untuk mempertingkatkan saringan kesihatan penyakit tidak berjangkit di mana empat pakej manfaat utama PeKa B40 terdiri daripada Saringan Kesihatan, Bantuan Alat Perubatan, Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Insentif Tambang Pengangkutan.

PeKa B40 akan dilaksanakan sebagai projek perintis bermula dalam kalangan kumpulan B40 yang berumur 50 tahun dan ke atas. KKM sedang memuktamadkan perincian pelaksanaan termasuk mengoptimalkan peruntukan RM100 juta yang diluluskan dalam Bajet

2019, di samping mengadakan perbincangan melalui sesi libat urus atau *sesi engagement* (dengan izin) bersama para pengamal perubatan swasta, Exco Kesihatan Negeri, ADUN serta anggota KKM di setiap negeri untuk memberikan pemahaman tentang pelaksanaan PeKa B40 serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan.

Rakyat yang layak mendapat manfaat PeKa B40 adalah kumpulan B40 yang berdaftar dengan Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka yang berusia 50 tahun dan ke atas. Merujuk kepada data BSH 2018, terdapat seramai 3.94 juta jumlah penerima manfaat PeKa B40 di Malaysia. Berdasarkan peruntukan permulaan sebanyak RM100 juta, adalah dianggarkan seramai 800,000 penerima akan mendapat manfaat projek perintis PeKa B40 melalui konsep *first come, first serve basis* (dengan izin).

Seperti yang dinyatakan, PeKa B40 memberi penekanan kepada pencegahan penyakit tidak berjangkit melalui aktiviti saringan kesihatan. Pendekatan ini adalah lebih kos efektif kerana penyakit dapat dikesan dan dirawat pada peringkat awal. Sebagai contoh, untuk merawat penyakit tidak berjangkit, anggaran kos ialah RM700 setahun. Jika penyakit tidak berjangkit ini tidak dirawat pada peringkat awal, ia boleh menyebabkan pelbagai komplikasi termasuklah kegagalan buah pinggang yang memerlukan kos yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM30,000 setahun untuk rawatan dialisis. Oleh itu, saringan kesihatan, dapat mengurangkan beban kos rawatan dalam jangka masa panjang. Selain itu, melalui pelaksanaan PeKa B40, data kesihatan rakyat dapat dikumpulkan dan dianalisa dengan lebih mendalam untuk tujuan perancangan di masa hadapan.

Yang di-Pertua,

Pakej pertama manfaat PeKa B40 ialah saringan kesihatan yang akan dilakukan di klinik swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Selain itu, bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai klinik swasta, saringan kesihatan boleh dibuat di Klinik Kesihatan KKM. Individu yang

mempunyai keputusan saringan tidak normal, akan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital KKM untuk rawatan lanjut.

Pelaksanaan projek perintis PeKa B40 tidak akan menambahkan kesesakan di fasiliti KKM kerana kebanyakan saringan dibuat di klinik swasta. Kes rujukan pula adalah daripada 800,000 penerima yang keputusan saringannya tidak normal sahaja. Penambahan pesakit di fasiliti KKM ini tidak akan membebankan perkhidmatan KKM secara keseluruhan.

Kementerian Kesihatan akan berusaha memastikan projek perintis PeKa B40 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Seterusnya, untuk strategi jangka masa panjang, apabila peruntukan tambahan diberikan, KKM akan memperluaskan PeKa B40 secara berfasa, hingga merangkumi kesemua golongan B40 yang berdaftar, agar dapat mengurangkan bebanan penyakit tidak berjangkit khususnya dalam kalangan kumpulan B40.

Yang di-Pertua,

PeKa B40 yang dikendalikan oleh KKM adalah berbeza dengan Skim Perlindungan Nasional B40 atau mySalam yang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan. PeKa B40 memberi fokus kepada 4 pakej manfaat iaitu Saringan Kesihatan, Bantuan Alat Perubatan, Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Insentif Tambang Pengangkutan. Manakala skim mySalam pula menyediakan insurans perlindungan kesihatan takaful percuma kepada 3.69 juta individu B40 yang juga penerima BSH 2019 berumur 18 hingga 55 tahun serta pasangan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 28 MAC 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci bagaimana Kementerian mencapai sasaran pembinaan sejuta buah rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun dan adakah Kementerian menetapkan kuota tertentu bagi rumah mampu milik mengikut harga, lokasi dan jenis rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan cadangan sasaran pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) tahun 2018 hingga 2028 melalui agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta adalah seperti berikut:

- (i) KPKT : 546,000 unit;
- (ii) Lain-lain Kementerian : 155,788 unit;
- (iii) Kerajaan Negeri : 153,212 unit; dan
- (iv) Pihak swasta : 145,000 unit.

2. Bagi melaksanakan 1 Juta RMM ini, Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Januari 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan 1 Juta Rumah Mampu Milik (2018-2028) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

3. MPMMN juga bersetuju supaya diwujudkan Pangkalan Data Bersepadu Perumahan (*Housing Integrated Data System*) bagi memantau pelaksanaan 1 Juta RMM. Kerajaan juga telah menetapkan kuota tertentu bagi pemilikan rumah mampu milik berdasarkan harga, lokasi dan jenis rumah.

4. Justeru, Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) telah dibangunkan untuk menggariskan standard dan spesifikasi utama bagi pembangunan rumah mampu milik yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Penetapan kategori harga rumah ini dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

(i) Harga rumah di bawah RM 150,000; dan

(ii) Harga rumah di antara RM150,000 hingga RM300,000.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kategori harga rumah mampu milik yang dicadangkan adalah berdasarkan klasifikasi kawasan mengikut bandar atau luar bandar dan berdasarkan kepada kemampuan rakyat mengikut pendapatan isi rumah median di lokasi berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM
[TAIPING]

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk memajukan dan menambah baik sistem pengangkutan awam di seluruh Malaysia dan sasaran penggunaan pengangkutan awam yang telah ditetapkan memandangkan bilangan kenderaan dan bebanan kos tanggungan kenderaan individu yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan landasan keretapi di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat. Sementara itu, projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Baharu pula dijangka siap pada Oktober 2021.
2. Penambakan sistem bas berhenti-henti terutamanya perkhidmatan bas pengantara untuk menghubungkan rakyat ke mod pengangkutan awam yang lain yang lebih efektif dan cekap dapat secara tidak langsung mengubah persepsi dan memberi pilihan kepada rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam. Kerajaan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan mengembangkan dan memperkenalkan skim perkhidmatan myBAS 2.0 di seluruh negara bagi menggantikan *Interim Stage Bus Support Fund* (ISBSF) yang bersifat sementara secara berperingkat. Di bawah skim MyBAS 2.0, kajian permintaan dan penawaran perkhidmatan bas akan dibuat supaya skim tersebut akan dijalankan secara lebih efektif dan cekap. Di bawah skim myBAS 2.0 tersebut, perkhidmatan bas di kawasan luar bandar dan sukar untuk dimasuki oleh bas, kenderaan seperti bas mini dan van sedang dikaji kesesuaiannya untuk digunakan.
3. Kerajaan juga akan memperkenalkan inisiatif terbaru dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 1 April 2019. Ini adalah untuk memastikan faedah dan

kemudahan yang sama turut diperolehi oleh warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan KTMB (komuter di sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan).

4. Kos pengangkutan merupakan faktor ketiga tertinggi yang menyumbang kepada kos sara hidup. Pelaksanaan diskaun tambang ini akan membolehkan pengguna terutamanya golongan B40 mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan untuk tambang pengangkutan awam dan lebihan wang yang berupaya dijimatkan boleh digunakan untuk menampung kos sara hidup yang lain.
5. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun “*cashless*” dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
6. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.
7. Selain daripada itu, Kerajaan akan memperluaskan insentif Pas Bulanan Tanpa Had Perjalanan ke negeri-negeri lain yang berkaitan dan tidak terhad di Lembah Klang sahaja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : 60

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan agar kad pengenalan Malaysia tidak diberi sewenang-wenangnya kepada orang asing di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran Kad Pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan ketetapan Akta Pendaftaran Negara 1978 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Setiap permohonan akan dinilai sewajarnya oleh JPN sebelum kad pengenalan dikeluarkan. JPN melaksanakan polisi sekurang-kurangnya dua (2) peringkat pengesahan sebelum sesuatu kad pengenalan dikeluarkan dan sekiranya terdapat permohonan yang bermasalah, siasatan lanjut akan dilaksanakan. Selain daripada itu, terdapat kategori-kategori permohonan kad pengenalan yang akan dirujuk kepada Panel Jawatankuasa bagi pertimbangan seperti permohonan daftar lewat kad pengenalan, kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dan kad pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN tidak sewenang-wenangnya memberikan kad pengenalan kepada individu yang tidak berkelayakan. Semakan ke atas rekod Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan, JPN dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, sejumlah 19 kes kerana memiliki MyKad palsu telah didakwa dan disabitkan kesalahan di

mahkamah di negeri Sabah. Kesalahan ini adalah tertakluk di bawah Peraturan 25 (1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Kementerian ingin menasihatkan mana-mana individu atau institusi yang meragui ketulenan dokumen pengenalan diri untuk merujuk terus kepada Kementerian Dalam Negeri atau JPN bagi tujuan semakan data dan pemeriksaan fizikal dokumen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 28.3.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 61

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan pelajar bertaraf “*stateless*” atau tanpa dokumen yang belajar di semua sekolah rendah & sekolah menengah Kerajaan di Malaysia (mengikut negeri) pada tahun 2019. Bagaimanakah Kementerian ingin menyelesaikan masalah pelajar ini bersaing dengan warganegara Malaysia untuk sumber pendidikan di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2019, bilangan murid tanpa dokumen yang belajar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah seramai 2,635 orang, iaitu 509 murid adalah murid sekolah menengah dan 2,126 murid sekolah rendah.

Daripada jumlah keseluruhan murid tersebut, Johor (57), Kedah (30), Kelantan (64), Melaka (10), Negeri Sembilan (17), Pahang (14), Perak (28), Perlis (5), Pulau Pinang (31), Sabah (1,961), Sarawak (263), Selangor (118), Terengganu (15), WP Kuala Lumpur (19), dan WP Labuan (3). Jumlah ini termasuklah murid Tahun Satu hingga Tahun Enam, murid kelas peralihan, dan murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam Atas.

SOALAN NO : 61

Kemasukan murid warganegara tanpa dokumen ke sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan adalah seperti yang diperuntukkan dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil.1/2009 dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.3/2018. KPM memberi jaminan bahawa situasi ini tidak menjejaskan peluang dan kemudahan persekolahan kepada murid warganegara Malaysia di seluruh negara termasuk di negeri Sabah.

Sekian, terima kasih

RJM 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG@TAMBAT
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 28 MAC 2019

SOALAN : NO. 62

TUAN JUGAH ANAK MUYANG@TAMBAT [Lubok Antu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian serta mengambil kira permasalahan YB dari Pakatan Harapan yang sedang berlaku di negeri Sarawak, di mana ketua kaum atau tuai rumah dilarang menyertai program YB malah ada yang diancam bergaul dengan YB atau dilarang hadir ke majlis anjuran Pakatan Harapan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan tidak pernah menghalang mana-mana pemimpin masyarakat dari semua peringkat untuk bergaul atau berjumpa dengan YB Ahli Parlimen dari mana-mana majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan selagi ia tidak menjejaskan perjalanan majlis, keselamatan orang awam dan keharmonian masyarakat setempat.

Perkara larangan seperti yang dinyatakan oleh YB Lubok Antu ianya lebih sesuai dirujuk kepada Kerajaan Negeri kerana urusan ketua kaum atau tuai rumah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI
ANWAR [PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 28 MAC 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 63

YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan:

- (a) kadar kenaikan tarif air yang akan dikenakan pada setiap negeri berdasarkan 'Tariff Setting Mechanism' (TSM) baru; dan
- (b) impak tarif ini dari segi kepelbagaian kos kepada pengguna domestik dan komersial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelarasan tarif yang di bawah Mekanisme Penetapan Tarif Air (*Tariff Setting Mechanism*) atau ringkasnya TSM secara umumnya adalah berbeza di antara negeri.
2. Secara umumnya pelarasan tarif yang dicadangkan untuk dilaksanakan melalui TSM melibatkan purata kenaikan yang minimum di antara 0.06 sen sehingga 0.71 sen bagi setiap 1,000 liter penggunaan. Perbezaan ketara purata kenaikan tarif ini adalah berdasarkan tarikh akhir semakan tarif dibuat. Antara contohnya, semakan tarif terakhir bagi negeri Pahang pada 1983 (36 tahun). Oleh yang demikian, purata kenaikan negeri Pahang adalah yang tertinggi iaitu 0.71 sen (88%) berbanding negeri Johor yang telah membuat semakan tarif pada tahun 2015 dengan purata kenaikan hanya sebanyak 0.06 sen (1.6%) sahaja. Tambahan lagi, perbezaan purata kenaikan tarif ini juga disebabkan oleh perbelanjaan dan tanggungan kos penyediaan perkhidmatan bekalan air setiap operator negeri adalah berbeza dan lazimnya semakin meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan masing-masing malah bentuk geografi muka bumi yang berbeza bagi setiap negeri.
3. Berdasarkan analisis yang dibuat, impak kenaikan tarif ini kepada pengguna domestik dan bukan domestik adalah minimum. Sebagai

contoh, penggunaan isi rumah bagi 20,000 liter sebulan akan hanya mengalami kenaikan bil antara RM1.00 hingga RM6.60 sebulan. Manakala bagi pengguna bukan domestik, kenaikan bil air bulanan antara RM1.75 hingga RM19.75 berdasarkan anggaran purata semasa penggunaan air sebanyak 35,000 liter sebulan.

Sekian, terima kasih.